APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

ZON PANTAI TIMUR

KELANTAN | TERENGGANU | PAHANG



KOMPILASI LAPORAN BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI KAWASAN PARLIMEN

2025

Jilid 2 (Zon Pantai Timur)

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 (Jilid 2: Zon Pantai Timur)

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.


ISBN: 978-629-7752-46-4

ISI KANDUNGAN

















KATA ALUAN



YB PUAN YOUNG SYEFURA OTHMAN
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Bentong (P.089)

Bismillahirrahmanirahaim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam sejahtera.

Saya berbesar hati atas penerbitan *Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025*. Selaku Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG saya menyambut baik penerbitan *Kompilasi* ini, dan mengucapkan tahniah kepada pasukan Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG.

Pembangunan negara pada akhirnya harus diterjemahkan kepada perubahan yang dapat dirasai oleh rakyat. Setiap kawasan Parlimen mempunyai realiti dan keperluan yang tersendiri. Apa yang menjadi keutamaan di sebuah kawasan mungkin berbeza daripada kawasan yang lain, bergantung kepada struktur ekonomi, keadaan sosial, alam sekitar, demografi, kemudahan serta sumber dan potensi yang terdapat di kawasan tersebut. Oleh itu, suara dan pengalaman masyarakat di peringkat tempatan perlu menjadi sebahagian daripada proses pembangunan. Dasar yang baik memerlukan pemahaman yang baik tentang realiti di lapangan, manakala penyelesaian yang berkesan memerlukan kerjasama antara mereka yang memahami dasar dengan mereka yang berhadapan secara langsung dengan isu tersebut.

Dalam hal ini, institusi Parlimen Malaysia mempunyai kedudukan yang unik. Ahli Parlimen bukan sahaja membawa suara rakyat ke institusi Parlimen, tetapi turut memainkan peranan penting dalam menghubungkan keperluan kawasan dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pemegang taruh pembangunan yang lain. *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan* anjuran Unit

Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG menyediakan satu pentas yang penting bagi mengukuhkan hubungan tersebut. Melalui penglibatan pelbagai pihak, isu dan cabaran setempat dapat dibincangkan secara lebih terbuka dan tersusun, manakala peluang untuk membina penyelesaian secara bersama dapat dikenal pasti.

Lebih penting, proses ini menggalakkan kita untuk melihat pembangunan bukan hanya daripada sudut masalah, tetapi juga daripada sudut aset, kekuatan dan potensi yang dimiliki oleh sesebuah komuniti. *Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025* ini menghimpunkan sebahagian daripada pengetahuan dan pandangan yang diperoleh melalui proses tersebut. Ia memberikan gambaran tentang cabaran yang dihadapi di peringkat tempatan, di samping mengetengahkan cadangan dan potensi penyelesaian yang telah dikenal pasti bersama oleh pemegang taruh.

Saya percaya dapatan seperti ini mempunyai nilai yang lebih luas daripada sekadar menjadi rekod sesuatu program. Ia boleh menjadi bahan rujukan dalam memahami keutamaan kawasan, memperkukuh penyelarasan antara pihak berkepentingan dan menyokong perbincangan berkaitan dasar serta pembangunan pada masa hadapan. Pembangunan mampan merupakan tanggungjawab bersama. Ia memerlukan kerajaan yang responsif, institusi yang berkesan, komuniti yang berdaya tahan serta kerjasama daripada seluruh lapisan masyarakat.

Semoga usaha yang dirakamkan melalui laporan ini dapat terus memperkukuh hubungan antara Parlimen dan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan yang lebih inklusif, berasaskan bukti dan benar-benar berpaksikan keperluan rakyat.

PRAKATA



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Pembangunan mampan memerlukan lebih daripada komitmen terhadap matlamat dan sasaran. Ia memerlukan keupayaan untuk memahami realiti, mengenal pasti keutamaan, menggerakkan kerjasama dan menterjemahkan pengetahuan kepada tindakan.

Dalam usaha memperkukuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia, APPGM-SDG mengambil pendekatan yang memberi penekanan kepada penglibatan di peringkat kawasan parlimen dan daerah. Pendekatan ini berasaskan kepada keyakinan bahawa pembangunan yang lebih berkesan perlu mengambil kira pengetahuan dan pengalaman yang wujud di peringkat akar umbi serta menyediakan ruang kepada pemegang taruh untuk menjadi sebahagian daripada proses penyelesaian.

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan salah satu usaha untuk mencapai tujuan tersebut. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 bengkel telah dilaksanakan dengan penglibatan Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, komuniti dan pelbagai pemegang taruh lain.

Proses ini menghasilkan satu himpunan pengetahuan dan perspektif yang penting tentang isu pembangunan di kawasan parlimen. Lebih daripada sekadar mengenal pasti masalah, perbincangan turut memberi tumpuan kepada memahami cabaran, mengenal pasti intervensi sedia ada, memetakan pihak yang berkaitan dan meneroka penyelesaian yang berpotensi untuk dilaksanakan.

Antara perkara yang semakin jelas melalui proses ini adalah hakikat bahawa cabaran pembangunan di peringkat akar umbi lazimnya bersifat saling berkait. Isu sosial,

ekonomi, alam sekitar, kesejahteraan masyarakat dan tadbir urus tidak semestinya boleh diselesaikan melalui pendekatan satu sektor atau satu agensi sahaja.

Keadaan ini mengukuhkan keperluan kepada pendekatan *whole-of-society* dan *whole-of-government*, di mana penyelesaian dibangunkan melalui kerjasama antara institusi, agensi dan komuniti. Dalam konteks ini, peranan Parlimen adalah penting sebagai ruang yang menghubungkan suara rakyat, pembuat dasar dan pihak pelaksana.

Dokumen laporan ini merupakan satu usaha untuk membawa dapatan daripada peringkat kawasan kepada gambaran yang lebih luas. Ia membolehkan persamaan isu, cabaran rentas kawasan dan potensi penyelesaian dikenal pasti, di samping memberikan perhatian kepada konteks khusus setiap lokaliti.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini juga perlu dilihat sebagai satu sumber pengetahuan berasaskan pengalaman dan realiti setempat. Dapatan yang terkandung berpotensi menyokong perbincangan yang lebih berasaskan bukti dalam merangka intervensi, memperkukuh penyelarasan antara agensi serta mengenal pasti ruang tindakan yang boleh diteruskan.

Namun, penerbitan *Kompilasi* ini bukan titik akhir kepada proses ini. Sebaliknya, ia merupakan satu titik rujukan untuk langkah seterusnya dengan menghubungkan dapatan kepada perancangan, perancangan kepada sumber, dan sumber kepada tindakan.

Dalam konteks tersebut, bengkel pembangunan kapasiti perlu difahami sebagai proses yang berterusan. Pembinaan kapasiti bukan hanya berkaitan dengan peningkatan pengetahuan, tetapi juga pembinaan hubungan, kepercayaan, keupayaan untuk bekerjasama dan kesediaan untuk bertindak secara kolektif.

APPGM-SDG merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Parlimen, kementerian dan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, komuniti serta semua pemegang taruh yang telah memberikan masa, kepakaran dan komitmen sepanjang pelaksanaan *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 2025*.

Semoga kompilasi ini dapat menjadi salah satu rujukan yang menyumbang kepada pengukuhan penyetempatan SDG, memperluas kerjasama antara institusi dan masyarakat, serta menyokong usaha membina pembangunan Malaysia yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan.

PENGENALAN



SITI SHAFINA SANUSI
Penolong Pengarah &
Ketua Fasilitator Latihan dan Pendidikan
Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen
APPGM-SDG

Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) menyediakan kerangka global bagi membentuk pembangunan yang inklusif, saksama, berdaya tahan dan mampan. Walau bagaimanapun, keberkesanan agenda tersebut bergantung kepada sejauh mana matlamat dan aspirasi global dapat diterjemahkan kepada dasar, perancangan dan tindakan yang bersesuaian dengan realiti masyarakat di peringkat tempatan.

Dalam konteks Malaysia, institusi perwakilan di peringkat parlimen merupakan antara ruang penting yang mempertemukan masyarakat, wakil rakyat, kerajaan, agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan dan pelbagai pemegang taruh pembangunan. Kedudukan mereka yang paling dekat dengan komuniti memberikan kelebihan kepada Ahli dan Pejabat Parlimen untuk mengenal pasti isu sebenar yang dihadapi masyarakat serta memahami keperluan dan potensi tempatan dengan lebih dekat.

Atas kefahaman tersebut, *Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan* anjuran Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG dilaksanakan sebagai satu pentas untuk memperkukuh proses penyetempatan SDG melalui penglibatan dan pembelajaran bersama di peringkat kawasan parlimen. Bengkel ini memberi penekanan kepada peningkatan pengetahuan berkaitan SDG. Ia juga membuka ruang untuk pelbagai pemegang taruh untuk mengenal pasti isu, menganalisis cabaran, memetakan intervensi sedia ada serta meneroka penyelesaian yang berpotensi dilaksanakan secara bersama.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 bengkel telah berjaya dilaksanakan di 32 kawasan parlimen yang terlibat dengan menghimpunkan pelbagai pemegang taruh daripada

sektor kerajaan, pihak berkuasa tempatan, masyarakat, wakil komuniti dan pihak berkepentingan yang lain. Kepelbagaian ini penting bagi membolehkan isu pembangunan dilihat daripada perspektif yang berbeza serta mengenal pasti ruang kerjasama yang melangkaui sempadan sektor dan institusi.

Pendekatan yang digunakan turut memberi penekanan kepada peralihan daripada pengenalpastian isu kepada pembentukan penyelesaian. Melalui proses perbincangan secara berstruktur, peserta digalakkan untuk memahami hubungan antara isu, punca dan kesannya, mengenal pasti intervensi yang telah tersedia serta meneroka peranan pihak-pihak yang berkaitan dalam menangani cabaran tersebut.

Dapatan daripada proses ini kemudiannya dihimpunkan dalam laporan dan disusun mengikut zon. Pendekatan ini membolehkan isu dan tema yang mempunyai persamaan dikenal pasti merentasi kawasan parlimen, pada masa sama mengekalkan konteks dan keunikan setiap lokaliti. Ia juga membuka ruang untuk melihat cabaran pembangunan bukan semata-mata sebagai isu yang terasing mengikut kawasan, tetapi sebagai sebahagian daripada arus atau *trend* yang mempunyai hubungan dan implikasi yang lebih luas.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini berfungsi sebagai satu bentuk dokumentasi pengetahuan dan bukti daripada peringkat tempatan. Ia merakamkan pandangan, pengalaman dan cadangan pemegang taruh yang terlibat serta menyediakan asas untuk perbincangan yang lebih tersusun berkaitan intervensi dan tindakan susulan melalui kerjasama penyelarasan.

Dalam kerangka ini, bengkel pembangunan kapasiti perlu dilihat sebagai sebahagian daripada proses *SDG localisation* yang lebih luas selain menghubungkan aspirasi pembangunan di peringkat global dan nasional dengan realiti, keutamaan serta kapasiti yang wujud di peringkat kawasan parlimen.

Akhirnya, kejayaan bengkel pembangunan kapasiti tidak hanya diukur berdasarkan bilangan bengkel atau jumlah peserta yang terlibat. Tetapi melalui sejauh mana pengetahuan dan dapatan yang dihasilkan dapat menyumbang kepada tindakan yang lebih menyeluruh, keputusan yang lebih berasaskan bukti dan pembangunan yang lebih responsif terhadap keperluan masyarakat. *Kompilasi* ini dan laporan-laporan yang dimuatkan dalamnya menjadi satu langkah dalam proses tersebut.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.021 Kota Bharu

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 2

Objektif 4

Kaedah Pelaksanaan 5

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 5

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 6

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 8

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kota Bharu 9

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 10

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 11

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 20

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 25

Penghargaan 26



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Parlimen Kota Bharu telah berjaya dilaksanakan pada 26 Februari 2025 bertempat di Renai Hotel, Kota Bharu.

Seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Kota Bharu, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.

Jadual dibawah menunjukkan senarai agensi-agensi kerajaan yang telah hadir ke bengkel:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pusat Khidmat DUN Kota Lama
2.	Jabatan Belia dan Sukan Kota Bharu
3.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
4.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
5.	Jabatan Pertanian Kota Bharu
6.	Jabatan Kerja Raya Kota Bharu
7.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Kota Bharu
8.	Majlis Perbandaran Kota Bharu
9.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Kota Bharu
10.	Pusat Khidmat Parlimen Kota Bharu
11.	Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu
12.	Pusat Khidmat Parlimen Bunut Payong

Program ini telah dikendalikan oleh 6 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:

- **Puan Siti Shafina Sanusi** (Pegawai Pembangunan Kapasiti)
- **Nurmaisarah Mohd Asri** (Pegawai Pembangunan Kapasiti)
- **Dr Siti Nur Ain Zainuddin** (Penyelaras Zon Pantai Timur dan Ketua Penyelidik Kota Bharu)
- **Nur Syadhira Mohd Razali** (Pegawai Penyelidik Alam Sekitar)
- **Nor Syahida bt Zol** (Penyelaras Tempatan)
- **Syza Bazilah Binti Muhd Ropi** (Pegawai Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Tmur)







Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar :** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Kaedah Penyampaian yang telah dijalankan sepanjang program.

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kota Bharu
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan : '*Ice-Breaking*'

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Uniknya, permainan ini turut diintegrasikan dengan elemen SDG dimana kenyataan-kenyataan yang berikan adalah berkait dengan SDG. Melalui aktiviti ini, para peserta bukan sahaja dapat berkenalan, malah turut didedahkan dengan amalam-amalan asas SDG secara santai dan menarik.



Para peserta saling berinteraksi antara satu sama lain dalam permainan BINGO.

Dalam sesi seterusnya, para peserta memperkenalkan nama, agensi serta karakter yang menggambarkan personaliti masing-masing melalui permainan nama. Setiap peserta diberikan sebiji belon untuk ditiup dan mereka haruslah menulis nama serta karakter masing-masing diatas belon tersebut.



Sesi pengenalan peserta melalui permainan belon.

Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.








Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Kota Bharu

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Satu aktiviti interaktif telah dijalankan dan dimulakan dengan ketua penyelidik bagi Parlimen Kota Bharu, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin membentangkan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu yang telah dijalankan. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Sosial	Kos sara hidup yang tinggi dengan memberi penekanan kepada sektor • Pendidikan • Peluang Pekerjaan







Perbincangan mengenai Pemetaan SDG oleh para peserta yang mana masing-masing saling membincangkan isu, cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu-isu yang dikenal pasti.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Kota Bharu

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan ini adalah merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di kawasan Parlimen Kota Bharu bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan sokongan penyampaian ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir. Bacaan ini telah diketuai oleh Encik Nik Mohd Sharifuddin, Setiausaha DUN Kota Lama.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Kota Bharu, Kelantan.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Kota Bharu. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh, serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan *5 Pillars* :



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Kota Bharu berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• Program 2-Years Exit Program ini merupakan satu pendekatan oleh pihak JKM untuk menggalakkan penerima bantuan kebajikan hidup berdikari melalui aktiviti penjanaan pendapatan untuk melepasi tahap kemiskinan • Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Bantuan sebanyak RM500 sebulan diberikan kepada penjaga pesakit OKU Terlantar dan Pesakit Kronik bagi mengurangkan beban penjaga yang tidak dapat bekerja • Bantuan Kanak-kanak Bantuan sebanyak RM200 - RM1,000 sebulan diberikan kepada keluarga yang putus punca pencari nafkah seperti bapa meninggal, sakit, ditahan di penjara atau pusat tahanan
2.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	• Jualan My Rakyat My Rakyat mensasarkan jualan barangan segar dan runcit kepada penduduk bandar di samping mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan tani. Inisiatif ini turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pusat Khidmat Ahli Parlimen	• **Mewujudkan Tuisyen Rakyat** Program yang baru sahaja dimulakan tahun lepas mensasarkan pelajar tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan SPM. Objektif program ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk turut serta menyertai tuisyen sebagai persediaan SPM • **Bantuan Bakul Makanan** Bakul Makanan diberikan kepada kumpulan asnaf dan keluarga yang kurang berkemampuan sebagai bantuan untuk memenuhi sebahagian keperluan asas.
2.	Jabatan Pertanian	• **Bantuan Bencana** Bantuan ini diberikan kepada petani yang terkesan akibat fenomena banjir, kemarau dan ribut. Mereka diberikan bantuan dalam bentuk wang Ehsan bagi membantu menampung kos kemusnahan tanaman. • **Pertanian Komuniti** Program pertanian bandar yang bertujuan untuk membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan melalui bimbingan Jabatan Pertanian. Produk makanan yang dihasilkan sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual. Melalui program ini, peserta lebih berminat untuk menyertai bidang pertanian.
3.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	• **Pembelian Hasil Tanaman** Pembelian hasil tanaman ini dilakukan bagi memberi jaminan pasaran kepada petani kecil memasarkan hasil tanaman mereka. Sebagai contoh, pada Februari lepas, pihak FAMA telah menandatangani satu perjanjian jual beli yang melibatkan seramai 26 orang peserta Ladang Kontrak bagi komoditi tembikai di Kg Hj Wan Omar, Pasir Putih.



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	• Bantuan Kronik Bantuan kronik diberikan kepada pesakit kronik seperti pesakit buah pinggang, jantung dan kanser yang mempunyai rekod kesihatan yang sah dari hospital. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk kerusi roda, katil, mesin oksigen dan dialisis. • Sokongan bagi Jangkitan HIV Baru Kes jangkitan HIV baru dalam kalangan dewasa berumur 15 – 49 tahun. Sokongan yang diberikan adalah dalam bentuk pendidikan HIV, saringan tanpa nama di klinik dan pencegahan prophylaxis kepada golongan yang berisiko. Aktiviti ini dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada individu lain melalui: - Penggunaan kondom ketika bersama pasangan - Menggunakan ubat prophylaxis untuk mencegah penyebaran penyakit kepada individu yang belum terdedah (contoh: jangkitan ibu kepada anak) • Kempen Kesedaran Malaria Kempen kesedaran ini dijalankan bagi memastikan jangkitan Malaria di peringkat tempatan kekal sifar. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah pendidikan Malaria kepada orang awam ni lokaliti berisiko, saringan awal kepada warganegara asing dan orang asli, rawatan anti Malaria di hospital. • Kesihatan Mental Kes bunuh diri dan kemurungan semakin meningkat saban hari. Bagi meningkatkan kesedaran kesihatan mental orang awam, pihak KKM telah menubuhkan talian *Help with Empathy and Love* (*HEAL)* dan memberi latihan kepada pegawai psikologi tentang cara-cara untuk berdepan dengan pesakit-pesakit ini. Walaupun kadar bunuh diri dan kemurungan masih meningkat, namun kesedaran orang awam tentang hal ini semakin bertambah. Oleh itu, mereka tidak lagi memandang enteng isu kesihatan mental ini.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
2.	Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Kota Bharu	• Hari Belia dan Hari Sukan Daerah Hari belia dan sukan peringkat daerah dianjurkan untuk meningkatkan penglibatan rakyat dalam aktiviti sihat. Malah aktiviti-aktiviti ini turut menjadi platform untuk kebersamaan pelbagai agensi seperti peniaga, jabatan kerajaan, NGO, syarikat dan lain-lain untuk turun beramah mesra bersama masyarakat.



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Pertanian	• **Kursus Tahunan** Jabatan Pertanian menawarkan beberapa kursus tahunan terbuka kepada orang ramai. Kursus-kursus ini memberi penekanan terhadap bimbingan dan latihan untuk meningkatkan kemahiran usahawan tani dalam bidang teknikal pertanian, keusahawanan dan pengurusan ladang. Antara kursus yang ditawarkan ialah Kursus Asas Sistem Fertigasi, Kursus Agronomi Tanaman Bawang, Kursus Teknologi Cili Fertigasi, Kursus Hasilan Soya (Air soya, Taufufah, Tauhu, Keping, Tauhu Lampung, Tempe dan Cincau), Kursus *Internet of Things (IOT)* Tanaman serta banyak lagi.

P2-Prosperity / Kemakmuran



MEMASTIKAN AKSES KEPADA TENAGA MAMPU MILIK, BOLEH DIPERCAYAI, LESTARI DAN MODEN UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• **Projek Komuniti Lestari** Projek dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini merupakan projek pemasangan sistem solar panel jenis *photovoltaic (PV)* di 40 buah institusi yang terpilih dan bersesuaian di bawah JKM. Projek ini telah membantu institusi-institusi kebajikan JKM menjana pendapatan melalui penghasilan tenaga boleh baharu.



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	• **Program Fasiliti Kesihatan Rendah Karbon (REKA)** Inisiatif ini memfokuskan memberi kesedaran tentang penghasilan pelepasan gas rumah rumah hijau/ karbon dioksida (*Greenhouse Gases, GHG)* kepada kakitangan klinik. Beberapa amalan baik dilaksanakan seperti mengurangkan penggunaan kertas, penjimatan elektrik, pengurusan sisa pepejal dengan lebih baik dan lain-lain.
2.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	• **Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP)** Skim ini dibuka kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka. Mereka akan dikecualikan pendaftaran dan maklumat perniagaan. Skim ini telah

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		membantu mengurankan beban kewangan usahawan dari golongan B40 dan pelajar untuk memulakan perniagaan mereka.



MENGURANGKAN KETAKSAKSAMAAN DALAM NEGARA DAN ANTARA NEGARA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• **Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)** Elaun sebanyak RM450 sebulan diberikan kepada pemegang kad OKU yang mendapat pendapatan bulanan tidak melebihi RM1,500. Tujuan elaun ini diberikan adalah untuk menggalakkan OKU untuk bekerja dan hidup berdikari.



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)	• **Pelaksanaan Konsep Bandar Pintar** Konsep Bandar Pintar atau *Smart City* merupakan bandar yang menggunakan kemajuan teknologi untuk menangani isu-isu perbandaran dan meningkatkan tahap kehidupan, pertumbuhan ekonomi, kemapanan alam sekitar dan pengurusan bandar yang lebih efisien. Pelaksanaan Bandar Pintar di Kota Bharu akan membantu mengatasi beberapa isu pembangunan seperti masalah sistem saliran dan perparitan, pengurusan sampah yang tidak cekap, masalah system trafik dan lalu lintas dan lain-lain. • **Pemasangan CCTV** Pemasangan CCTV dijalankan dengan tujuan untuk mengurangkan kes-kes jenayah seperti rompakan, jenayah seksual, langgar lari dan lain-lain. Video-video yang dirakam dapat membantu pihak polis untuk menjejaki pelaku jenayah.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Penyediaan Taman Awam dan Kiosk Penjaja** Taman-taman awam ini diwujudkan sebagai tempat beriadah dan bersosial untuk masyarakat. Di samping itu, kiosk-kiosk penjaja turut disediakan untuk menjana ekonomi penduduk setempat dan menarik lebih ramai orang untuk datang beriadah di taman.
2.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	• **Naik Taraf Jalan dan Jambatan** Penaiktarafan jalan dan jambatan persimpangan untuk jalan-jalan terpilih yang rosak akibat banjir yang berlaku. Pembaikian ini dijalankan bagi memberi keselesaan kepada pengguna dan mengelakkan kemalangan jalan raya.

P3-Planet / Planet



MEMASTIKAN CORAK PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)	• **Kempen Larangan Penggunaan Beg Plastik** Larangan penggunaan beg plastik sekali guna dilaksanakan dengan lebih agresif terutamanya di kompleks-kompleks membeli belah. Orang awam digalakkan membawa beg sendiri ketika membeli barang dan akan dikenakan cas sebanyak RM0.20 untuk setiap plastik yang dibeli untuk membungkus barang.

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pusat Khidmat Ahli Parlimen	• **Sokongan kepada Mangsa Dera** Pusat khidmat memberi sokongan moral kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan kes penderaan dan pergolakan rumah tangga.

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu Oleh Agensi


Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah adalah mencakupi isu

- **Sosial** – Peningkatan kos sara hidup (Pendidikan dan Peluang Pekerjaan)

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan bedarken kerangka dibawah:



Isu: Peningkatan Kos Sara Hidup

Perbincangan bagi isu ini telah dipecahkan kepada dua kategori iaitu dari segi **Ketersediaan Peluang Pekerjaan** dan **Pendidikan**. Berikut merupakan solusi yang dicadangkan oleh wakil-wakil agensi kerajaan sewaktu perbincangan dijalankan:

Peluang Pekerjaan

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN 1: MENINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN		
Lambakan Graduan Terdapat lambakan graduan yang tidak bekerja atau terpaksa mencari pekerjaan di luar Kelantan atas faktor kekurangan peluang pekerjaan, gaji yang rendah serta terdapat jurang dari segi kemahiran dan pekerjaan yang ditawarkan.	Menggalakkan pelaburan asing dan tempatan bagi meningkatkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat khususnya golongan belia. Meningkatkan kelulusan guna tanah bagi pembangunan perindustrian. Kelantan mempunyai ekonomi yang lebih tertumpu kepada sektor pertanian dan perikanan yang kebiasaannya menawarkan gaji yang lebih rendah dan kurang peluang berbanding sektor perindustrian. Oleh itu, pembangunan sektor perindustrian perlulah ditingkatkan melalui perluasan zon guna tanah perindustrian dalam Rancangan Struktur Negeri atau Rancangan Tempatan.	• Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) • Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan • Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) • Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Gaji Minima yang Tinggi Pada tahun 2024 kerajaan Malaysia telah menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,700 sebulan. Kebanyakan pemilik perniagaan terutamanya dalam sektor tradisional seperti pertanian, perikanan dan perusahaan kecil-kecilan sukar untuk membayar gaji pekerja mengikut kadar minimum disebabkan margin keuntungan yang rendah.	Membezakan gaji minima mengikut tangga kelulusan seperti SPM, Diploma, Sarjana Muda dan lain-lain.	
CADANGAN 2: MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERDASARKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN		
Belia yang Cenderung Menunggu Kerja berbanding Mencari Faktor lain peningkatan pengangguran dalam kalangan belia dan graduan adalah kerana '*mindset*' mereka yang lebih cenderung menunggu pekerjaan yang sama bidang dipelajari dan gaji yang setaraf dengan kelulusan mereka. Tindakan ini hanya merugikan graduan kerana mereka	Meningkatkan kesedaran kepada golongan belia untuk memperkenalkan inisiatif baru berdasarkan ilmu yang telah dipelajari di universiti. – Pendedahan daripada pakar daripada bidang-bidang berkaitan.	• KPM • JTK • MARA • KBS • IKBN • KSM

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
membazir masa menunggu tawaran pekerjaan yang diidamkan.		

Pendidikan

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: KAWALAN HARGA PENDIDIKAN SWASTA DI SAMPING MENINGKATKAN SUBSIDI PENDIDIKAN		
Kos Pendidikan yang Tinggi Tidak semua pelajar mampu untuk menyambung pelajaran ke institut pengajian tinggi awam. Terdapat juga pelajar khususnya dalam kalangan B40 dan M40 yang terpaksa mengeluarkan kos sendiri untuk menyambung pembelajaran di universiti swasta. Kos pendidikan swasta yang lebih tinggi akan membebankan pelajar tersebut.	Subsidi pendidikan dapat dikurangkan seandainya universiti-universiti swasta menggalakkan pengambilan kepakaran tempatan. Malah institusi-institusi swasta ini haruslah sentiasa dipantau agar mereka tidak mengenakan kenaikan kos yang tidak wajar terhadap yuran dan kos pendidikan.	• Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) • Kementerian Sumber Manusia
Kemampuan Kerajaan untuk Menampung Keperluan Subsidi Sinar Harian (2024) menyatakan bahawa	Memperluaskan program biasiswa dan penghargaan kepada pelajar yang layak. Bantuan ini bertindak sebagai bantuan tambahan khususnya	• Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM58.1 bilion jumlah keseluruhan subsidi pada tahun 2024. Seandainya subsidi pendidikan perlu ditambah lagi, persoalannya adalah adakah kerajaan mempunyai kapasiti untuk menanggung subsidi tambahan lagi? Dibimbangi pertambahan subsidi ini akan memberikan tekanan kepada belanjawan negara.	untuk pelajar yang kurang berkemampuan. Menggalakkan kerjasama awam-swasta *(Public Private Partnership - PPP)* untuk membiayai projek pendidikan. Sebagai balasan, syarikat tersebut akan mendapat bantuan atau insentif daripada kerajaan melalui potongan cukai atau geran.	• Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) • *Government link companies (GLC)*

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Kesimpulannya, daripada beberapa isu yang telah dibincangkan, isu kos sara hidup yang tinggi telah dipilih sebagai topik perbincangan utama dengan fokus kepada topik pendidikan dan peluang pekerjaan yang terhad di negeri Kelantan khususnya Kota Bharu. Sektor ekonomi utama negeri Kelantan iaitu sektor pertanian, perikanan, pelancongan dan industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjadi tulang belakang pembangunan, berbeza dengan kebanyakan negeri di belah Pantai Barat yang lebih memfokuskan kepada sektor perindustrian berat dan pembuatan.

Sektor ekonomi primer seperti pertanian dan perikanan tradisional yang sifatnya bermusim dan memberi pulangan yang rendah menyebabkan ramai belia memilih untuk bekerja di luar negeri. Oleh yang demikian, wakil agensi yang hadir telah mencadangkan supaya lebih banyak pembangunan sektor perindustrian dibuka dan kursus-kursus kemahiran ditawarkan kepada belia untuk mengintegrasikan teknologi moden dalam ekonomi primer.

Dalam usaha melatih tenaga kerja mahir untuk mengintegrasi industri berteknologi dalam sektor primer memerlukan silabus khas. Rata-rata penduduk dalam kalangan B40 dan M40 mungkin berdepan kesukaran untuk membayar kos pendidikan terutamanya apabila melibatkan institusi swasta. Oleh yang demikian, kawalan harga pendidikan disamping peningkatan subsidi pendidikan telah dicadangkan untuk dipertimbangkan. Melalui pelaksanaan solusi-solusi yang dicadangkan dilihat dapat membantu menambah baik kos sara hidup penduduk setempat.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada **Ahli Parlimen Kota Bharu, Ketua Jajahan Kota Bharu dan ahli Dewan Undangan Negeri** atas sokongan yang telah diberikan sepanjang bengkel ini berjalan.

- **Ahli Parlimen Kota Bharu:** YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan
- **Ketua Jajahan Kota Bharu:** YABrs Tuan Haji Nik Raisnan Haji Daud
- **ADUN Bunut Payong**: YB Tuan Shaari Mat Yaman

Berikut merupakan antara maklumbalas yang telah diberikan oleh peserta berkenaan bengkel pembangunan kapasiti ini:



> ***... saya lebih memahami maksud dan keperluan dalam SDG ...***

Mohd Othmani Bin Junus
Jabatan Perancang Bandar MPKB-BRI

> ***Menambahkan kenalan dan pengalaman serta peluang perbincangan idea merentas jabatan.***



Syed Abdul Aziz
bin Engku Chik Abdullah
Pejabat Belia dan Sukan

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.028 Pasir Puteh

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 28

Objektif 30

Kaedah Pelaksanaan 31

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 31

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 32

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 33

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Pasir Puteh 34

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 36

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 37

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 52

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 64



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Pasir Puteh telah berjaya dilaksanakan pada 22 April (Selasa) bertempat di Tok Aman Bali Beach Resort, Pasir Puteh.

Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh dan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Perikanan Daerah Pasir Puteh
2.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Kelantan
3.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan Pasir Puteh
4.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pasir Puteh
5.	Pejabat Pertanian Jajahan Pasir Puteh
6.	Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh
7.	Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh
8.	Jabatan PERHILITAN Daerah Pasir Puteh
9.	Pusat Khidmat Parlimen Pasir Puteh
10.	Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan (SUK) Kelantan
11.	Majlis Daerah Pasir Puteh
12.	Air Kelantan Sdn. Bhd.
13.	Persatuan Kontraktor Melayu Kelantan

Program ini telah dikendalikan oleh 5 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Rozlan Bin Daud
Penyelaras Tempatan
Parlimen Jeli



Nur Syafiqah Binti Che Mohamad Zulkifli
Penyelaras Tempatan
Parlimen Tanah Merah



Syza Bazilah Mohamad Ropi
Pegawai **Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur**

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar :** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Pasir Puteh
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Di samping itu, para peserta turut memperkenalkan nama, agensi serta karakter yang menggambarkan personaliti masing-masing melalui permainan nama. Aktiviti ini bukan sahaja membantu peserta mengenali antara satu sama lain dengan lebih baik, malah ia juga mewujudkan suasana riang dan santai yang menggalakkan interaksi positif.









Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.











Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Pasir Puteh


Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Encik Roslan bin Daud, Penyelaras Tempatan Parlimen Jeli yang mewakili Dr Siti Nur Ain, Ketua Penyelidik Parlimen Pasir Puteh. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Sosial	● Kekurangan Peluang Pekerjaan. Perbincangan cadangan penyelesaian yang dijalankan adalah berkisarkan aspek: - Pelancongan - Pertanian









Perbincangan mengenai Pemetaan SDG oleh para peserta yang mana masing-masing saling membincangkan isu, cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu-isu yang dikenal pasti.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaan ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen oleh wakil-wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Pasir Puteh. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Pasir Puteh berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Jabatan Pertanian	• **Program Rezeki Tani** Program Rezeki Tani merupakan inisiatif oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang bertujuan membantu petani di Kelantan meningkatkan pendapatan melalui bantuan peralatan dan latihan dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Menerusi program ini, lebih daripada 41 petani di daerah pasir puteh menerima peralatan bernilai RM10,000 untuk membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS). Projek Rezeki Tani Kada dilaksanakan sejak 14 tahun lalu membabitkan 13 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan kini berjaya melahirkan lebih daripada 1,800 usahawan.[1] Program ini juga dapat meningkatkan pendapatan para peserta melalui pemberian bantuan projek ekonomi yang merangkumi pengeluaran, pemprosesan, pengredan dan pemasaran yang berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan.
2.	Pejabat Penggawa / Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh	• **Program Agihan Bantuan Wang Ihsan (BWI)** Bantuan Wang Ihsan ini diberikan kepada mangsa banjir yang terjejas akibat Monsun Timur Laut di Jajahan Pasir Puteh. Pada 5 dan 6 April 2023, seramai 404 Ketua Isi Rumah (KIR) telah menerima bantuan ini. Mereka merupakan penerima fasa pertama daripada mangsa banjir yang tidak berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Agihan peruntukan BWI ini telah berjaya diadakan di Dewan Majlis

[1] Sulong, T. (2021). Program Rezeki Tani Kada bantu 41 petani. Kosmo Digital. https://www.kosmo.com.my/2021/01/06/program-rezeki-tani-kada-bantu-41-petani/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		Daerah Pasir Puteh dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh dan PPNK ICU JPM.[2] Sesi agihan telah dibantu oleh institusi Penggawa dan Penghulu yang telah menjalankan tugas dengan jayanya menyaring individu yang tidak layak untuk menerima bantuan. Turut membantu dalam sesi agihan ini adalah pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menjaga keselamatan urus setia dan proses agihan.
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan)	• **Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)** PPKB bertujuan untuk mengurangkan tanggungan keluarga miskin di bandar. PPKB merangkumi Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan Program Bina Baharu Rumah di Bandar. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup kumpulan miskin bandar melalui penyediaan kediaman yang selesa dan selamat untuk dihuni dan seterusnya menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti dan sejahtera kepada komuniti di bandar. Bagi tahun 2023, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukkan sebanyak RM9,669,000 di bawah Program Bantuan Perumahan untuk Negeri Kelantan yang merangkumi RM9,465,000 untuk Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan RM204,000 untuk Program Bina Baharu Rumah di Bandar. Seramai 634 ketua isi rumah telah menerima manfaat Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi tahun 2023 di negeri Kelantan.[3] • **Projek Pembangunan Berimpak Tinggi** *Tok Bali Integrated Fisheries Park (TBIFP)* TBIFP yang berkeluasan 225 ekar di Pasir Puteh disasarkan untuk menjana aktiviti-aktiviti ekonomi dan meningkatkan pendaratan ikan di Kelantan, dengan memfokuskan kepada produk-produk berasaskan ikan yang diproses, otoshimi, makanan ikan dan industri-industri sokongan seperti kilang

[2] https://www.icu.gov.my/?pg=cawang&type=kel&list=berita&id=2759
[3] https://www.kpkt.gov.my/kpkt/resources/user_1/media_akhbar/2023/SM_634_TERIMA_MANFAAT_PPKB_2023_KELANTAN.pdf

BIL	AGENSI	PROGRAM
		pembuatan ais. Ditambah dengan integrasi sektor eko-pelancongan marin dan hospitaliti, TBIFP dijangka akan menarik lebih banyak pelaburan swasta dalam masa terdekat. Projek ini dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk setempat.[4] • **Data Kemiskinan – eKasih** Sistem eKasih merupakan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang diwujudkan bagi membantu merancang, melaksanakan dan memantau program kemiskinan. Sistem ini juga dijadikan rujukan oleh kementerian/agensi yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan. Sistem eKasih diwujudkan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2007 dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 1 November 2007. Bertitik tolak dari keputusan itu, ia mula dibangunkan secara *in-house* oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan mula diguna pakai pada Jun 2008.[5] Sistem eKasih mengandungi profil individu, program / bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program / bantuan yang diterima. Komponen data eKasih juga terdiri daripada maklumat asas seperti maklumat lokasi, kediaman, pendidikan, kemahiran dan pekerjaan, pemilikan harta, kesihatan, pendapatan serta bantuan.[6] Secara mudahnya, sistem eKasih ini dapat memudahkan pemantauan dan penyaluran bantuan kepada golongan sasar.

[4] Projek-Projek Berimpak Tinggi Bawa Transformasi Dalam Pertumbuhan Sosioekonomi Kelantan. Ecerdc. (2017). https://www.ecerdc.com.my/media_releases/projek-projek-berimpak-tinggi-bawa-transformasi-dalam-pertumbuhan-sosioekonomi-kelantan/

[5] Harian, S. (2018). Skim subsidi bil elektrik untuk miskin tegar. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skim-subsidi-bil-elektrik-untuk-miskin-tegar-185877

[6] https://www.icu.gov.my/pg/main.php?pg=perkhidmatan&type=sejahtera&list=s01



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Penggawa / Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh	• **Program Komuniti Berkelompok** Program seperti Jualan Rahmah, Kempen Kesihatan "Makanan yang Sihat", dan Ceramah Kesedaran "Cakna Jiran" dijalankan dalam menyediakan bantuan dan sokongan kepada golongan asnaf. Dengan wujudnya program seperti ini, masyarakat berpeluang untuk mendapat barangan yang murah. Program-program seperti ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), ahli jawatankuasa masjid dan penghulu.



MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Veterinar	• **Program Kesedaran Awam Kawalan dan Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan dan Zoonosis** Penyakit haiwan ternakan adalah penyakit yang menyerang haiwan seperti lembu, kambing, ayam, itik, dan lain-lain. Misalnya, Bruselosis, FMD, dan Anthrax. Manakala Zoonosis pula merupakan penyakit yang boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia. Sebagai contoh, Rabies, Leptospirosis, Avian Influenza dan Tibi lembu. Kawalan dan Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan dan Zoonosis sangat penting dalam bidang kesihatan veterinar bagi: 1. Melindungi kesihatan haiwan dan manusia 2. Menjamin keselamatan makanan (*food safety*) 3. Meningkatkan produktiviti ternakan 4. Mengelakkan kerugian ekonomi akibat wabak penyakit haiwan

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN LESTARI, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	• **Program Hijrah AADK** AADK bekerjasama dengan pihak polis dalam melaksanakan Program Hijrah bagi memastikan Orang Kena Pengawasan (OKP)[7] termasuklah mereka yang dibebaskan daripada Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) mendapat peluang kedua bagi menjalani kehidupan yang lebih baik apabila mendapat pekerjaan dan mendapat sumber pendapatan yang tetap. Melalui program ini, AADK menjalankan kursus kerjaya dalam kalangan OKP. Kesannya, kira-kira 53,384 OKP yang berjaya mendapat pekerjaan selepas pembebasan dalam tempoh 6 bulan sejak Program Hijrah dilaksanakan pada Januari 2019. Tawaran penempatan dalam kalangan OKP juga melibatkan lebih 400 syarikat atau majikan dalam pelbagai industrI atau bidang pekerjaan di seluruh negara.[8] Di samping itu, AADK turut memberikan bantuan dari segi aset seperti mesin untuk mereka menjalankan perniagaan. Bukan setakat itu sahaja, AADK turut menyediakan platform dalam membantu penagih dadah untuk memasarkan barang jualan mereka agar mereka terhindar daripada pelbagai stigma negatif masyarakat. Bahkan, AADK turut memperluaskan produk jualan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

[7] OKP adalah mana-mana individu yang telah mendapat perintah oleh mahkamah atau secara sukarela menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan selepas tamat tempoh yang ditetapkan individu tersebut perlu menjalani pengawasan di AADK Daerah. OKP juga merujuk kepada mana-mana individu yang telah diperintahkan oleh mahkamah atau secara sukarela menjalani pengawasan di AADK Daerah.
[8] Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia. (2022). https://www.facebook.com/aadkmalaysia/posts/program-hijrah-aadk-antara-inisiatif-yang-aadk-lakukan-bagi-memastikan-sekurang-/3863418483698377/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
2.	PERKESO	• **MyFutureJobs** Platform MyFutureJobs merupakan satu portal pekerjaan rasmi kerajaan Malaysia yang dikendalikan oleh PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial). Ia diwujudkan sebagai pusat sehenti untuk carian kerja, padanan pekerjaan, latihan kemahiran dan maklumat kerjaya, sesuai untuk semua golongan meliputi lepasan sekolah, graduan, pekerja mahir dan tidak mahir. Melalui portal MyFutureJobs ini, para pencari kerja dalam kalangan masyarakat boleh melakukan pendaftaran maklumat pekerjaan (*Profiling*), pemadanan pekerjaan, mendapatkan bimbingan kerjaya, menyertai libat urus yang dilaksanakan oleh majikan dan agensi serta berpeluang menyertai temuduga yang dijalankan oleh pelbagai majikan daripada seluruh Malaysia. Portal ini sangat penting dalam meningkatkan kadar penempatan pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran, memberikan kesaksamaan peluang pekerjaan kepada semua golongan tanpa mengira kelas sosial. Sehubungan dengan itu, kebergantungan kepada pekerja asing juga dapat dikurangkan, dan akhirnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia.
3.	Jabatan Pertanian	• **Geran Agropreneur Muda** Geran ini merupakan inisiatif Kementarian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kepada belia yang mana ia dibahagikan kepada dua kategori iaitu *Start-Up* dan *Scale-Up.* Bagi kategori *Start-Up,* ia merupakan bantuan yang diberikan kepada mereka yang berada di fasa permulaan sesebuah perniagaan di mana fokus utama bantuan ini adalah untuk membina model perniagaan yang maju. Geran ini diberi dalam bentuk barangan dan nilai maksimum bagi kategori *Start-Up* ini adalah sehingga RM30,000.00 per individu bagi projek Haluan pertanian yang merangkumi aktiviti penanaman, penternakan dan perikanan. Selain dari itu, sebanyak RM20,000.00 diberikan bagi projek Industri Makanan dan Asas Tani.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Manakala bagi kategori *Scale-Up* pula, ia adalah satu program bantuan pengembangan daripada kerajaan kepada penerima Geran Agropreneur Muda yang melaksanakan projek huluan pertanian (tanaman/ ternakan/ perikanan). Geran ini diberi dalam bentuk barangan dengan nilai maksimum sehingga RM50,000.00 per individu bagi membiayai perolehan agroteknologi, mekanisasi dan automasi terkini.[9] Setakat ini daripada tahun 2019 sehingga 2024 pelaksanaan Geran Agropreneur Muda (GAM), terdapat 15 orang peserta daripada Pasir Puteh, Kelantan yang telah menerima geran ini.
4.	Persatuan Kontraktor Melayu Kelantan (PKMK)	• Persatuan Kontraktor Melayu Kelantan (PKMK) ditubuhkan bagi memperjuangkan nasib para kontraktor Melayu Bumiputera secara kolektif di Kelantan. Persatuan ini menjadi orang tengah bagi menyuarakan permasalahan kontraktor di Kelantan kepada kerajaan. Di samping itu, PKMK turut menganjurkan pelbagai program dalam meningkatkan daya saing belia setempat bagi mendapatkan pekerjaan dalam sektor pembinaan. Tambahan pula, inisiatif ini dapat mengurangkan penglibatan warga asing dalam pengambilan buruh binaan.



MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh (PTJPP)	• **Membaik pulih Jalan Marris** PTJPP telah mengeluarkan Iklan Sebutharga Bil. 05/2021[10] yang berkaitan dengan kerja-kerja pembaikan Jalan Marris di Pasir Puteh, Kelantan. Sehubungan dengan itu, PTJPP telah membaik pulih dan membesarkan longkang di

[9] Program Agropreneur Muda. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2024). https://www.kpkm.gov.my/bm/geran-dan-insentif/program-agropreneur-muda
[10] Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh. Penjualan Dokumen Sebutharga Bil.05/2021 Marris. Facebook. (2022). https://www.facebook.com/ptjpp/photos/a.1163546380490767/1909044072607657/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		kawasan bandar bagi tujuan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Lebih-lebih lagi kerja membaik pulih ini dapat mengurangkan masalah banjir dan mengurangkan bau busuk di kawasan berhampiran longkang. • **Program Bantuan Rumah Kediaman Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)** Bantuan Rumah Kediaman MAIK adalah satu program yang menyediakan rumah baru untuk golongan asnaf. Program ini bukan sahaja membantu menyediakan tempat tinggal yang selesa tetapi juga memastikan kestabilan dan keselamatan keluarga yang memerlukan. Sepanjang tahun 2023, pihak MAIK telah membelanjakan RM 13,993,670 bagi membina 203 buah rumah yang diantaranya mempunyai 3 bilik, 4 bilik dan 5 bilik jenis rumah kediaman untuk membantu golongan asnaf yang layak memiliki tempat tinggal lebih baik dari sebelumnya.[11]



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Daerah Pasir Puteh	• **Penyelenggaraan Kemudahan secara Berperingkat** Selaras dengan kelulusan peruntukan yang diberikan daripada pelbagai agensi yang berkaitan seperti peruntukan kerjaaan persekutuan dan negeri, penyelenggaraan kemudahan-kemudahan secara berperingkat dijalankan. Perkara ini dapat memberi pelbagai kemudahan kepada masyarakat seperti Taman Awam Bukit Gedombak, Arena Square dan pasar awam seperti pasar Siti Hajar dan pasar Siti Sarah.
2.	Pejabat Tanah dan Jajahan	• **Pembaikan Jalan Raya (Projek ECRL)** Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merujuk kepada satu projek kereta api elektrik berkembar yang menghubungkan Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu, dan Pahang) dengan Pantai Barat (Selangor dan Negeri

[11] Fazrina Fezili. (2024). Panduan Lengkap Memohon Bantuan Rumah MAIK. Property Genie. https://www.propertygenie.com.my/insider-guide/panduan-lengkap-memohon-bantuan-rumah-maik-pUmK5HqveLcNMnaqEnzV4A

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
	Pasir Puteh (PTJPP)	Sembilan). Berikutan projek ini, pembinaan 59 terowong dianggarkan menelan belanja sebanyak RM50.27 bilion.[12] Kerja-kerja pembinaan ini melibatkan pelbagai aspek, termasuk pembinaan terowong, jambatan, dan infrastruktur berkaitan yang turut memberi impak kepada jalan raya sedia ada. Pembaikan jalan raya ini membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat sekaligus memberi keselesaan kepada masyarakat semasa menggunakan jalan raya.

P3-Planet / Planet



MEMASTIKAN KETERSEDIAAN DAN KELESTARIAN PENGURUSAN AIR DAN SANITASI UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB)	• **Menaik Taraf Sistem Proses Asas Loji Janaelektrik Hidro Merbau** Sistem proses asas Loji Janaelektrik Hidro Merbau Chondong dinaiktaraf disebabkan oleh isu kualiti air yang rendah. Bekalan air bersih di kawasan tersebut berwarna hitam atau merah. Sistem proses asas loji ini dikawal secara automatik oleh sistem SCADA (*Supervisory Control and Data Acquisition*). Melalui sistem ini, sensor digunakan untuk memantau tekanan air, kelajuan turbin, dan output tenaga. Proses menaik taraf sistem loji ini memperuntukkan sebanyak RM10 juta.[13] • **Pembaikan Tandak Air** Pembaikan tandak air merujuk kepada kerja-kerja membaiki, menyelenggara atau menaik taraf struktur dan sistem tandak air (atau juga dikenali sebagai takungan air kecil atau kolam tadahan air) yang digunakan untuk

[12] https://www.dagangnews.com/article/kos-projek-ecrl-kekal-pada-rm5027-bilion-11115
[13] Bernama. (2024). Gangguan kualiti air di Pasir Puteh bersifat sementara - AKSB. Astro Awani; Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-kualiti-air-di-pasir-puteh-bersifat-sementara-aksb-479510

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		membekalkan air kepada sesuatu kawasan, khususnya di luar bandar, kawasan pertanian, atau kampung-kampung yang belum mempunyai sistem bekalan air moden sepenuhnya. Perbaikan Tandak Air telah dilaksanakan di Kampung Cheker, Pasir Puteh Kelantan dengan peruntukan sebanyak RM100,000. Aktiviti membaik pulih ini dapat meningkatkan tekanan air bersih untuk kegunaan pengguna di kawasan sekitar.



MEMASTIKAN CORAK PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Veterinar	• **Program Industri Asas Ternakan (IATn)** Industri Asas Ternakan (IATn) merupakan industri yang mengeluarkan produk-produk tambah nilai daripada hasil ternakan sama ada produk makanan atau bukan makanan. Dalam industri ini, sisa atau tinja diproses daripada ternakan menjadi baja organik.[14] Program ini penting dalam mengurangkan bau busuk daripada aktiviti ternakan, menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal daripada ternakan, memberi pulangan kepada penternak hasil jualan baja organik dan dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

[14] https://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user_1/2022/PENERBITAN/PAMPLET/PROGRAM_PEMBANGUNAN_USAHAWAN_IATn.pdf



MEMULIHARA DAN MENGGUNAKAN SUMBER LAUTAN, LAUT DAN MARIN SECARA MAMPAN UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Perikanan	• **Skim Pembangunan Ekonomi Komuniti Sektor Perikanan (SPEKS)** Skim ini ditadbir oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Salah satu komponennya ialah Bantuan Peralatan / Input Ternakan yang bertujuan untuk menyokong nelayan, penternak, dan usahawan dalam sektor akuakultur dan perikanan darat. Bantuan ini juga diberikan kepada penternak ikan air tawar dan paya. Sedikit sebanyak bantuan ini dapat meningkatkan pendapatan para penternak ikan dan nelayan.[15] • **Tukun Tiruan** Tukun tiruan ialah struktur buatan manusia yang dilabuhkan ke dasar laut bagi meniru fungsi terumbu karang semula jadi. Ia berfungsi sebagai habitat perlindungan, tempat pembiakan, dan kawasan pemakanan untuk hidupan laut seperti ikan, udang, sotong dan lain-lain. Tukun ini biasanya dibina menggunakan konkrit, tayar lama, bot usang, rangka logam, atau bahan lestari lain. Tukun tiruan berfungsi sebagai tempat pembiakan hidupan laut dan direka khas sebagai penghalang pukat tunda, yang sering merosakkan dasar laut dan sumber perikanan. Tukun tiruan ini penting dalam mengekalkan ekosistem hidupan laut sekaligus meningkatkan hasil nelayan dan sumber protein negara.[16]

[15] SPeKS (Bantuan peralatan/input ternakan). (n.d.). Portal Rasmi Jabatan Perikanan Malaysia. https://www.dof.gov.my/perkhidmatan/akuakultur/speks-bantuan-peralatan-input-ternakan/
[16] Tukun Tiruan. Taman Laut & Pengurusan Sumber. (n.d.). https://marinepark.dof.gov.my/projek/tukun-tiruan/



MELINDUNGI, MEMULIHKAN DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN LESTARI EKOSISTEM DARATAN, MENGURUSKAN HUTAN SECARA LESTARI, MEMBANTERAS PENGGURUNAN, MENGHENTIKAN DAN MEMULIHKAN KEMEROSOTAN TANAH DAN MENGHENTIKAN KEHILANGAN BIODIVERSITI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	• **Operasi Bersepadu Khazanah (OBK)** Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) bekerjasama dengan agensi PDRM dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dalam penguatkuasaan Akta 716 (Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010).[17] Operasi ini merupakan inisiatif penguatkuasaan bersepadu yang dilancarkan sejak September 2019 oleh kerajaan Malaysia, dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), serta agensi-agensi lain. Tujuan utama OBK adalah untuk membanteras jenayah alam sekitar seperti pemburuan haram, penyeludupan hidupan liar, pencerobohan hutan, dan perlombongan haram, serta melindungi khazanah negara termasuk sumber nadir bumi (REE) dan galian. Melalui operasi ini juga, mereka menyediakan papan tanda “hidupan liar melintas di jalan raya” bagi mengurangkan kes “Roadkill”. Operasi ini penting dalam membanteras pelbagai jenayah hidupan liar seperti pemburuan haram. • **Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT)** Bantuan ini diperkenalkan pada Mac 2024 dalam bentuk kewangan yang diberikan sekali sahaja (one-off) kepada kumpulan sasar yang mengalami kerosakan dan kemusnahan harta benda dan tanaman akibat hidupan

[17] https://www.wildlife.gov.my/images/document/penerbitan/akta/AKTA%20716%20AKTA%20PEMULIHARAAN%20HIDUPAN%20LIAR%202010.pdf

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		liar tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.[18] Bantuan ini dapat membantu pekebun / penternak / orang awam yang mengalami kerugian disebabkan oleh serangan hidupan liar.

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Puteh	• IPD Pasir Puteh telah melaksanakan pelbagai program bagi mencegah, mengurangkan kadar jenayah dan memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat di kawasan sekitar. Program yang dijalankan adalah dalam bentuk kempen dan ronda pencegahan jenayah, perjumpaan bersama agensi dan komuniti, program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan serta berkolaborasi antara agensi bersama-sama membanteras jenayah. Berikut adalah antara program yang dijalankan oleh IPD Pasir Puteh: - **Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah Dan Jenayah Narkotik** Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah dan Jenayah Narkotik ini mensasarkan aktiviti jenayah, pengedaran dan penyalahgunaan dadah di sekitar kawasan Pasir Puteh. Misalnya pada 29 – 30 April 2025, IPD Pasir Puteh telah melaksanakan satu Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah dan Jenayah Narkotik Bil. 5/2025.[19]

[18] https://www.wildlife.gov.my/index.php/pengumuman/544-inisiatif-mengenai-harta-dan-bantuan-kehilangan-tanaman

[19] IRDK Kelantan. Operasi Bersepadu Pencegahan Jenayah Dan Jenayah Narkotik BIL.5 (2019). https://www.facebook.com/groups/seplaparbersaim/posts/operasi-bersepadu-pencegahan-jenayah-dan-jenayah-narkotik-bil-52025-daerah-pasir/3974240416187811/

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		- **Program Community Engagement (PCE)** Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh, Kelantan, aktif melaksanakan pelbagai program *Community Engagement* untuk mengeratkan hubungan bersama masyarakat setempat. Berikut merupakan beberapa program utama yang dijalankan: o Program Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 1446H/2025M (7 April 2025)[20] o Program Kempen Pencegahan Jenayah Bersama Sahabat Amanah Ikhtiar Daerah Pasir Puteh, Kelantan (3 Mac 2025)[21] o Program YDH Ketua Polis Daerah Pasir Puteh Masuk Kampung dan Ramah Mesra dengan Masyarakat Peringkat IPD Pasir Puteh, Kelantan (18 April 2025)[22] Semua program ini dijalankan oleh IPD Pasir Puteh bagi membantu dan menyelesaikan isu sosial yang melibatkan masyarakat di daerah Pasir Puteh seperti jenayah keganasan, penyalahgunaan dadah, *scammer* dan lain-lain. Program yang dianjurkan juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kepercayaan rakyat kepada agensi penguatkuasaan khususnya IPD Pasir Puteh.

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

[20] Ipdpasirputehkltn. (2025). https://vt.tiktok.com/ZSkkPf7Av/
[21] Ipdpasirputehkltn. (2025). https://vt.tiktok.com/ZSkk5J9tN/
[22] Ipdpasirputehkltn. (2025). https://vt.tiktok.com/ZSkk5Nsa6/


Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Beberapa isu telah dipilih untuk dibincangkan hasil daripada aktiviti pemetaan isu yang telah dijalankan. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu di beri perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;


- **Sosial** – Kekurangan peluang pekerjaan

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan



Aktiviti perbincangan dan pemetaan SDG oleh peserta bengkel secara berkumpulan.












Aktiviti perbincangan dan pemetaan SDG oleh peserta bengkel secara berkumpulan.

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu: Kekurangan Peluang Pekerjaan

Berikut merupakan solusi yang dicadangkan oleh wakil-wakil agensi kerajaan sewaktu perbincangan dijalankan. Penyelesaian yang dicadangkan ialah mewujudkan **Hub Industri** untuk **aktiviti pelancongan** dan **pertanian**. Rujuk jadual dibawah untuk penjelasan terperinci.

Pelancongan

Pasir Puteh mempunyai potensi besar untuk menjadi destinasi pelancongan yang unik di Kelantan, kerana Pasir Puteh mempunyai pelbagai tarikan sediada yang mampu menarik pelancong untuk datang. Pembangunan industri pelancongan di sini bukan sahaja boleh meningkatkan ekonomi tempatan tetapi juga mencipta lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MEWUJUDKAN HUB PERINDUSTRIAN (PELANCONGAN) Fokus perbincangan adalah meliputi aspek: a. Ketersediaan Penginapan b. Makanan Tradisi c. Aktiviti Menarik d. Alam Semulajadi		
Kekurangan Kemahiran Asas Antara kemahiran asas yang perlu ada pada penduduk setempat berkait dengan pelancongan adalah: ● Kemahiran digital (bagi mempromosikan aktiviti terutamanya di media sosial). ● Komunikasi (Penyedia perkhidmatan haruslah	Menjalankan program latihan kemahiran pelancongan kepada penduduk yang akan terlibat dengan penyediaan perkhidmatan pelancongan. Pihak berkuasa tempatan boleh bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Institusi Latihan seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Kolej Komuniti untuk mengadakan kursus-kursus seperti:	• Jabatan Pembangunan Kemahiran • Tourism Malaysia • Giat MARA • EXCO Pelancongan Negeri • Invest Kelantan • MOTAC Kelantan

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
menguasai bahasa terutamanya Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin untuk berkomunikasi dengan pelancong asing) ● Hospitaliti dan pengurusan pelancongan ● Pengetahuan tentang produk pelancongan tempatan Seandainya penduduk yang menyediakan perkhidmatan pelancongan ini tidak melengkapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran yang dinyatakan, ia boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan, daya saing dan kepuasan pelancong.	● Bahasa asas pelancongan (memfokuskan Bahasa Inggeris) ● Kursus Agensi Pelancongan & Pemandu Pelancong (*tour guide*) ● Kursus Pengendali Inap Desa (*Homestay*) Seandainya penduduk dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang berkaitan, Pasir Puteh dapat memberikan imej positif sebagai destinasi yang mesra dan professional.	• Persatuan Hotel • Persatuan Homestay • Pejabat Pendidikan Daerah
Kekurangan Promosi yang Efektif Aktiviti promosi haruslah dijalankan dengan meluas terutamanya jika kawasan tersebut baru hendak diperkenalkan kepada orang luar. Kandungan foto atau video yang ingin dihasilkan haruslah menarik dan konsisten untuk menarik minat orang untuk datang.	Bekerjasama dengan *influencers* asal Kelantan seperti Khairul Aming, Softyank, Hafiz Muhammad, Syahmi Sazli dan *influencers* lain untuk datang dan membuat *content* aktiviti menarik di Pasir Puteh. Mereka dibawa untuk merasai sendiri pengalaman pelancongan di Pasir Puteh dan berkongsi pengalaman tersebut di sosial media.	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Penduduk terutamanya di peringkat umur atas 40-an berdepan cabaran untuk mengendalikan aktiviti promosi melalui sosial media seperti Tik Tok, Instagram, Whatsapp dan Facebook. Sebaliknya, golongan belia lebih mahir menggunakan platform ini. Golongan berusia lebih mahir mengadakan promosi secara mulut ke mulut atau poster fizikal yang mungkin akan sukar untuk menarik pelancong dari luar Kelantan.		
Peruntukan yang tidak mencukupi Di peringkat pihak berkuasa, peruntukan kewangan yang tinggi diperlukan bagi memastikan perkhidmatan pelancongan yang dijalankan memberikan keselesaan kepada pengunjung. Infrastruktur asas seperti tandas awam, tempat rehat, papan tanda informasi serta penyediaan sambungan internet. Selain itu, kos yang tinggi turut diperlukan untuk aktiviti promosi dan	Pembangunan industri pelancongan di Pasir Puteh memerlukan kerjasama yang erat antara pelbagai agensi kerajaan, di mana setiap pihak dapat menyumbang berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. Sebagai contoh, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) boleh memainkan peranan penting dengan menyediakan sukarelawan untuk membantu dalam program pelancongan, aktiviti kemasyarakatan atau kerja-kerja kebajikan sewaktu pesta atau festival dijalankan. Sementara itu, Tourism Kelantan dapat memberikan sokongan promosi melalui platform rasmi, media sosial dan jaringan pelancongan bagi mempopularkan destinasi dan	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
penyelenggaraan kawasan-kawasan tarikan pelancongan. Dari segi kos individu, para penyedia perkhidmatan pelancongan seperti pemilik inap desa memerlukan peruntukan untuk menaik taraf penginapan sediada untuk memenuhi standard pelancongan. Di samping itu, mereka harus mengeluarkan dana untuk menyertai kursus-kursus kemahiran.	aktiviti menarik di Pasir Puteh**.** Giat MARA pula boleh menyumbang dari segi penyediaan kursus kemahiran seperti pengurusan homestay, bahasa pelancongan, dan latihan pemandu pelancong untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam kalangan usahawan tempatan. Bagi individu dan persatuan setempat, **pemberian geran kewangan** dapat menjadi pemangkin untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan. Sebagai contoh, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menawarkan Geran Agro Pelancongan khusus untuk membantu golongan penternak, petani, dan nelayan yang ingin mengembangkan aktiviti pelancongan berasaskan pertanian, seperti lawatan ladang, pemprosesan makanan tradisional, atau pengalaman memancing bersama komuniti. Di samping itu, program lawatan sambil belajar ke projek-projek pelancongan yang telah berjaya di lokasi lain boleh diadakan untuk memberi pendedahan praktikal kepada penduduk Pasir Puteh. Melalui lawatan sebegini, peserta dapat mempelajari kaedah terbaik dalam pengurusan pelancongan,	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	penjagaan alam sekitar dan cara menyediakan perkhidmatan yang memuaskan pelanggan.	

Fakta Tambahan

Perbincangan yang dijalankan bersama pihak agensi adalah berfokuskan kawasan penginapan sedia ada yang mencukupi, ketersediaan makanan tradisi serta cadangan aktiviti yang dapat dilaksanakan. Berikut merupakan huraian tambahan bagi idea-idea yang dilontarkan oleh wakil-wakil agensi yang hadir:

1. **Penyediaan Penginapan yang Selesa**
   Pasir Puteh mempunyai pelbagai pilihan penginapan, termasuk resort tepi pantai, chalet, homestay dan hotel yang sesuai untuk pelancong domestik dan antarabangsa. Lokasinya yang berhampiran kawasan laut dan air terjun menjadikannya destinasi ideal bagi pengunjung yang ingin berehat sambil menikmati pemandangan laut dan alam semulajadi. Beberapa kawasan seperti Pantai Bisikan Bayu, Pantai Tok Bali dan Jeram Mengaji Agro Resort mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.

2. **Makanan Tradisi Menarik**
   Pasir Puteh terkenal dengan makanan laut segar dan hidangan tradisi Kelantan yang sukar untuk ditemui di tempat lain dan boleh dijadikan produk pelancongan utama. Antara hidangan yang berpotensi menjadi ikon termasuk:
   - Nasi Dagang & Gulai Ikan Tongkol – Sarapan wajib di Kelantan
   - Laksam – dimakan dengan kuah putih pekat dan ulam ulaman
   - Satar & Keropok Lekor – Makanan tradisional yang diperbuat daripada ikan laut segar
   - Ikan Bakar – Ikan laut segar dari perairan Tok Bali



Nasi Dagang



Laksam



Keropok lekor



Ikan bakar



Satar

3. **Aktiviti Pelancongan yang Menarik**
   Pasir Puteh menawarkan pelbagai aktiviti yang sesuai untuk pelancongan keluarga, aktiviti lasak dan pendidikan, seperti:
   - Sukan Air & Memancing – Aktiviti memancing di Perairan Tok Bali, mencandat sotong, atau menyertai trip tenggiri.
   - Sea Cruise & Kayak – Menaiki kapal cruise di sekitar Perairan Tok Bali.

- Eko-Pelancongan & Lawatan Pendidikan – *Gelam Eco Park* dan Jeram Mengaji Agro Resort berpotensi untuk dijadikan pusat pembelajaran tentang pertanian, penternakan dan penghasilan produk tenusu. Menerusi kerjasama bersama pihak Pejabat Pendidikan, Jeram Mengaji mempunyai potensi tinggi untuk dijadikan tempat lawatan sambil belajar untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah memandangkan kawasan tersebut mempunyai banyak aktiviti sedia ada yang menarik seperti ternakan lembu susu. Para pelajar dapat mempelajari secara langsung cara untuk memerah susu dan menghasilkan produk tenusu seperti susu segar dan yogurt.

Kesimpulannya, dengan penyediaan infrastruktur penginapan yang mencukupi, makanan tradisi yang unik, aktiviti pelancongan pelbagai tema dan alam semula jadi yang memukau, Pasir Puteh berpotensi menjadi hab pelancongan di Kelantan. Kerjasama antara kerajaan tempatan, usahawan dan komuniti diperlukan untuk mempromosikan Pasir Puteh sebagai destinasi yang wajib dikunjungi. Pembangunan pakej pelancongan bersepadu, seperti pakej keluarga, pakej backpacker dan pakej pendidikan boleh menarik lebih banyak kunjungan dan merancakkan ekonomi tempatan.

Pertanian

Pasir Puteh mempunyai ciri fizikal unik iaitu keadaan tanah yang berbukit-bukit dan tanah rendah. Hampir keseluruhan kawasan Pasir Puteh merupakan kawasan landai dengan kebanyakan kawasan adalah kawasan rendah yang sesuai untuk pertanian padi. Tanaman seperti padi, kelapa, sayur-sayuran (timun, cili, terung), dan buah-buahan (tembikai dan nenas) merupakan tanaman yang sinonim dengan masyarakat di sini. Oleh itu, pembinaan Hub Perindustrian Hasil Pertanian dilihat antara pendekatan yang baik untuk mengoptimumkan hasil pertanian dalam jajahan ini.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MEWUJUDKAN HUB PERINDUSTRIAN (PERTANIAN)		
Lambakan Hasil Pertanian Isu lambakan hasil pertanian merupakan masalah kronik yang kerap melanda petani di	Mempelbagaikan produk hiliran berasaskan tanaman sayur-sayuran sebagai langkah jangka panjang untuk menstabilkan harga tanaman dalam pasaran tempatan. Sebagai contoh, produk tembikai boleh	• Exco Pertanian • Lembaga Pertubuhan Peladang

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Kelantan dan Terengganu, terutamanya bagi tanaman seperti tembikai, timun, cili, dan nenas. Kejatuhan harga yang mendadak (contoh: tembikai dari RM2/kg kepada RM1.20/kg) bukan sahaja mengurangkan pendapatan petani tetapi juga menyebabkan pembaziran makanan apabila hasil tidak dapat dipasarkan. Antara punca utama yang menyumbang kepada isu ini ialah penuaian serentak di beberapa kawasan di Kelantan dan Terengganu. Corak penanaman yang sama telah menyebabkan hasil dituai pada masa yang sama, menyebabkan bekalan berlebihan.	dikembangkan menjadi kordial, tembikai chips (dikeringkan menjadi makanan ringan), jem atau sos tembikai serta aiskrim. Kewujudan produk hiliran yang pelbagai ini dapat memastikan permintaan berterusan terhadap produk berasaskan tembikai ini. Para petani kecil digalakkan untuk mendaftar dalam Program Ladang Kontrak di bawah seliaan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam usaha untuk mengatasi isu lambakan produk pertanian yang berlaku di peringkat ladang. Usaha ini dilakukan adalah bagi menjamin harga lantai seandainya berlaku penurunan harga di bawah kos pengeluaran dan mengurangkan risiko kerugian pada pihak petani. Isu lambakan tembikai di Pasir Puteh bukan hanya disebabkan oleh pengeluaran berlebihan di Kelantan, tetapi juga dipengaruhi oleh aliran masuk hasil pertanian dari negeri lain yang dijual di pasaran tempatan. Situasi ini telah menyebabkan • Bekalan melebihi permintaan • Persaingan tidak seimbang • Kerugian kepada petani tempatan Oleh itu, cukai masuk boleh dikenakan ke atas tembikai yang dibawa masuk dari negeri lain untuk dijual di Pasir Puteh. Hal ini	(LPP) Pasir Puteh • *Federal Agricultural Marketing Authority* (FAMA) • *Malaysian Agricultural Research and Development Institute (*MARDI) • Jabatan Pertanian Negeri Kelantan • Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh • Universiti Malaysia Kelantan • Universiti Kebangsaan Malaysia • Agro Bank

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	bertujuan untuk menyamakan harga pasaran dan mengelakkan penjual daripada menjual tanaman dari luar pada harga yang terlalu murah. Di samping itu, pihak berkuasa juga boleh menetapkan had kemasukan tembikai luar ke Pasir Puteh terutamanya pada musim puncak.	
Hasil Pertanian Tidak Mampu Bertahan Lama Sayur-sayuran dan buah-buahan tropika mempunyai jangka hayat yang pendek. Kebanyakan hasil pertanian segar seperti cili, timun, terung dan tomato hanya mampu bertahan selama 3-7 hari di suhu bilik selepas dituai. Seandainya tidak diproses atau dipasarkan dengan segera, tanaman-tanaman ini akan mula membusuk dan berkurangan nilainya, menyebabkan petani dan penjual akan mengalami kerugian. Disamping itu, industri pemprosesan memerlukan bekalan yang stabil. Akan tetapi, tanaman mudah rosak sukar disimpan untuk tempoh jangka masa panjang tanpa teknologi khas.	Mempergiat aktiviti penyelidikan dan pembaharuan (R&D) dalam pengendalian lepas tuai (*post-harvest*), pembangunan sistem pengeringan, pengawetan, pembungkusan, pemprosesan dan pengekstrakan yang boleh memanjangkan jangka hayat hasil sayur-sayuran dan buah-buahan serta memudahkan produk untuk dipasarkan. Usaha ini dapat diperkukuhkan lagi melalui kerjasama bersama pihak universiti seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta agensi tempatan seperti *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI). Malah, pihak MARDI turut mempunyai banyak garis panduan hasil penyelidikan mereka yang boleh dirujuk untuk menambah baik kaedah penanaman dan penuaian	

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Pasir Puteh memiliki potensi besar untuk dibangunkan sebagai hab ekonomi berasaskan pelancongan dan pertanian, sekaligus menangani isu kritikal seperti pengangguran belia dan penyalahgunaan dadah. Dengan aset semula jadi seperti Pantai Bisikan Bayu dan Jeram Mengaji, kekayaan budaya (wayang kulit, dikir barat), serta hasil pertanian dan makanan tempatan (keropok, ikan bekok, satar), daerah ini berupaya menjadi destinasi pelancongan yang unik di Pantai Timur.

Kejayaan projek *Sleeping Train* di Dabong membuktikan bahawa perancangan strategik dan kerjasama erat antara agensi kerajaan, komuniti dan usahawan mampu mengubah nasib suatu kawasan. Bermula dengan kampung di pedalaman yang tidak dikenali ramai, Dabong kini menjadi salah satu tarikan utama di Gua Musang bagi individu yang meminati alam semulajadi. Pasir Puteh turut berpotensi untuk dibangunkan sebagaimana Dabong. Untuk merealisasikan hasrat ini, langkah berikut perlu diutamakan:

- **Pelantikan Agensi Utama** – Agensi ini bertindak sebagai penggerak utama untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelancongan di Pasir Puteh. Dalam kes Dabong, Majlis Daerah Dabong menjadi agensi utama yang menggerakkan inisiatif *Sleeping Train* tersebut.
- **Penubuhan Persatuan Pelancongan Pasir Puteh** – Belia berperanan besar dalam menggerakkan inisiatif ini kerana mereka mempunyai lebih banyak tenaga,
- **Kerjasama Rentas Sektor** – Melibatkan pelbagai agensi seperti Tourism Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, AADK, syarikat swasta dan belia tempatan dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti pelancongan ini.

Dengan komitmen semua pihak, Pasir Puteh berpotensi menjadi destinasi pelancongan tambahan di Kelantan, sekaligus mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, memulihara warisan dan mengukuhkan ekonomi tempatan.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.033 Besut

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 66

Objektif 68

Kaedah Pelaksanaan 69

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 69

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 70

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 71

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Besut 72

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 73

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 74

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 85

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 93



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Besut telah berjaya dilaksanakan pada 24 April (Khamis) bertempat di Bukit Keluang Beach Resorts, Besut.

Seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada 7 agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Ahli Parlimen Besut dan Pejabat Daerah dan Tanah Besut. Jadual dibawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL	SENARAI AGENSI
1.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
2.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Daerah Besut
3.	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Besut
4.	Pejabat Pertanian Daerah Besut
5.	Jabatan Kerja Raya (JKR)
6.	Pejabat Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Besut
7.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Program ini telah dikendalikan oleh 4 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:




Siti Noraiysah Rohim
Ketua Penyelidik
Parlimen Besut



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Syza Bazilah
Mohamad Ropi
Pegawai Ruang Komuniti
MySDG Zon Pantai Timur







Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi**: Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar** : Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan '*ice-breaking*'
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Besut
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berkenalan antara satu sama lain. Para peserta memperkenalkan nama, agensi serta karakter yang menggambarkan personaliti masing-masing melalui permainan nama.



Para peserta memperkenalkan serba sedikit mengenai nama serta agensi berkhidmat.

Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.







Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Besut

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Satu aktiviti interaktif telah dijalankan dan dimulakan dengan ketua penyelidik bagi Parlimen Besut, Noraiysah Rohim membentangkan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu yang telah dijalankan. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Sosial	• Kekurangan peluang pekerjaan



Perbincangan mengenai Pemetaan Isu oleh para peserta yang mana masing-masing saling membincangkan isu, cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu-isu yang dikenal pasti.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir. Bacaan ini telah diketuai oleh Encik Suhaimi bin Abdullah, pegawai Ahli Parlimen Besut.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Besut. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Besut berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA


BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Pejabat Daerah dan Tanah	• **Platfom Pendaftaran E-kasih** Program e-Kasih adalah inisiatif kerajaan Malaysia untuk membantu golongan miskin, Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas, ibu tunggal atau bapa tunggal, anak yatim serta pesakit kronik. Terdapat pelbagai jenis bantuan yang diberikan. Antaranya, **i.** Bantuan Kewangan Tunai (seperti Bantuan Keluarga Malaysia - BKM) **ii.** Bantuan Makanan (seperti Program Bantuan Makanan JKM) **iii.** Biasiswa Pendidikan untuk anak-anak penerima **iv.** Bantuan Perubatan dan kesihatan **v.** Program Pembangunan Ekonomi (contohnya latihan kemahiran dan bantuan modal perniagaan) Mengikut perkongsian dari RTM (2024), terdapat penurunan jumlah miskin tegar daripada 7,426 isi rumah yang direkodkan dalam sistem eKasih bagi seluruh negeri Terengganu pada awal tahun 2024 kini menunjukkan penurunan sehingga 4,158 isi rumah[23]. Awal tahun lalu, seramai 200 peserta berdaftar sistem eKasih dalam kategori miskin tegar telah diraikan menerusi program Kasih Prihatin Negeri Terengganu yang mana mereka telah menerima Bakul Kasih sumbangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia-(YaPEIM) dan baucar tunai sumbangan Pejabat Pembangunan Negeri

[23] https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jumlah-miskin-tegar-di-terengganu-menurun

BIL	AGENSI	PROGRAM
		Terengganu[24]. Malah bagi daerah Besut khususnya, seramai 200 penerima yang diraikan telah menerima Bakul Kasih sumbangan Jabatan Perdana Menteri pada bulan Mei tahun yang sama (2024).
2.	Pejabat Pertanian Daerah	• **Program Geran Agropreneur Muda** Program ini merupakan inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan muda yang berusia antara 18 hingga 45 tahun dalam sektor pertanian. Inisiatif ini memberi penekanan untuk pembangunan keusahawanan di bidang pertanian dengan memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan latihan. Nilai bantuan yang ditawarkan adalah sehingga RM30,000 untuk projek tanaman, ternakan, dan perikanan, serta RM20,000 bagi projek industri makanan dan asas tani. Di peringkat negeri, dana sebanyak RM 950,000 telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri Terengganu pada tahun 2023 melalui Agrobank sebagai modal permulaan petani muda serta peruntukan pinjaman RM100 juta kepada usahawan di bawah usia 40 tahun yang terlibat dalam program ini[25]. Berdasarkan Laporan Tahunan Jabatan Pertanian 2022, sebanyak 14 buah geran yang berjumlah RM279,998 telah diluluskan untuk Negeri Terengganu bagi tahun 2022.

[24] https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peserta-ekasih-di-terengganu-dirai-terima-sumbangan

[25] https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/arkib/berita-semasa/2197-pinjaman-tanpa-caj-bantu-belia-ceburi-sektor-pertanian

BIL	AGENSI	PROGRAM
		

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Pertanian 2022


MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Pertanian Daerah	• **Sistem Tanaman Fertigasi** Jabatan Pertanian telah memperkenalkan beberapa inovasi dalam penanaman bagi meningkatkan produktiviti dan hasil tanaman. Sistem tanaman secara fertigasi merupakan salah satu bentuk inovasi. Di Besut, terdapat sebuah pusat penanaman cili fertigasi iaitu Pusat Fertigasi Cili Mega Kampung Cegar Batang di Pasir Akar, Hulu Besut yang merupakan kawasan penanaman cili jenis Sakata 461 yang berkualiti dan terbesar di Terengganu[26]. Pusat ini berupaya untuk mengeluarkan hasil antara 90-94 tan metrik untuk satu-satu musim. Seramai 41 orang peserta telah terlibat dalam penanaman cili ini dan ia bukan sahaja telah dipasarkan di Terengganu, malah di beberapa negeri lain seperti Kelantan dan Kuala Lumpur. Selain itu, Jabatan Pertanian menyediakan Kursus Fertigasi Cili Berhasil Tinggi bagi memastikan para petani terutamanya petani berskala kecil untuk mengikut kaedah penanaman yang betul bagi meningkatkan produktiviti hasil.

[26] *https://mediapermata.com.bn/pusat-fertigasi-mega-cegar-batang-hasilkan-94-tan-metrik-cili/*

MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN PADA SEMUA PERINGKAT UMUR

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	• **Pendidikan Pencegahan Dadah** Pendidikan bagi pencegahan penyalahgunaan dadah telah diberikan kepada golongan masyarakat khususnya pelajar, komuniti rukun tetangga (KRT), belia dan lain-lain supaya lebih celik akan bahaya penyalahgunaan dadah. Antara aktiviti pencegahan yang dijalankan ialah - Tempat Kerja Bebas Dadah - Komuniti Bebas Dadah - Keluarga Bebas Dadah - Institusi Pendidikan Bebas Dadah - Kempen Kesedaran Awam Dan Antidadah - Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) Penagihan Dadah  Program komuniti bebas dadah melibatkan KRT Kampung Gong Baru Tok Nasek, Kuala Terengganu yang telah dijalankan pada 15 April lalu. *Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Besut* Berdasarkan Laporan Tahunan 2023 AADK, negeri Terengganu merupakan negeri tertinggi yang mencatatkan kadar penyalah guna dan penagih dadah dengan 997 orang.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		STATISTIK PENYALAH GUNA & PENAGIH DADAH SERTA BAHAN TAHUN 2023  *Sumber: Laporan Tahunan 2023*

P2-Prosperity / Kemakmuran



MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN MENYELURUH DAN MAMPAN SERTA MERANGSANG INOVASI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	• **Naiktaraf dah Balik Pulih Bangunan Sekolah** Beberapa aktiviti pemulihan dan ubahsuai fasiliti sekoleh melibatkan - Sekolah Kebangsaan Tok Dor Besut - Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut - Sekolah Menengah Kebangsaan Pelagat - Sekolah Menengah Kebangsaa Renek Aktiviti baik pulih ini telah mula dijalankan pada tahun lepas (2024) bagi memberikan kemudahan dan ruang pembelajaran yang selesa kepada para pelajar di sekolah berkenaan. • **Projek Membina Jalan Pantai Dendong ke Jalan Belakang Bukit Keluang** Projek ini merupakan projek membina jalan baru sepanjang 3 kilometer, dua (2) buah jambatan yang merentasi Sungai

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Keluang Besar sepanjang 100 meter dan Sungai Keluang Kecil sepanjang 40 meter selain kerja-kerja geoteknik dan pengambilan balik tanah. Projek ini pernah mengalami kelewatan sebelum ini disebabkan oleh isu pengambilan balik tanah dan kelewatan pembayaran tuntutan interim. Namun, segala isu-isu tersebut telah berjaya diselesaikan pada hujung tahun 2023 yang lalu. Projek ini juga telah diluluskan lanjutan masa dengan tarikh siap semasa adalah pada 14 Jun 2025.  *Sumber: Laman rasmi Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu* • **Projek Pembinaan Jalan Kampung Durian Telor - Jalan Pelagat/Lata Tembakah** Projek pembinaan jalan ini melibatkan pembinaan laluan baharu yang menghubungkan Kampung Durian Telor dengan beberapa perkampungan sekitar sebelum bersambung ke Jalan Pelagat/Lata Tembakah. Laluan ini berfungsi sebagai jalan alternatif utama bagi penduduk Hulu Besut, terutamanya ketika musim tengkujuh (monsun timur laut), di mana jalan-jalan rendah di kawasan lain berisiko dilanda banjir.



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah Besut	• **Projek Pelebaran Longkang** Sebanyak tiga projek pembinaan dan pembesaran longkang di Dun Kuala Besut telah mendapat kelulusan untuk dijalankan iaitu melibatkan i. Pembesaran Longkang di Kawasan Kem TUDM Gong Kedak, ii. Pembinaan Longkang Baharu di Sempadan Pachakan iii. Pembinaan Longkang dari Masjid Kayu Jerteh ke Kampung Pusu Tinggi Projek-projek ini merupakan penyelesaian jangka panjang untuk mengurangkan kesan banjir di Dun Kuala Besut, khususnya ketika musim tengkujuh.


P3-Planet / Planet



MEMASTIKAN KETERSEDIAAN DAN KELESTARIAN PENGURUSAN AIR DAN SANITASI UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Besut	• **Pemantauan Kualiti Air** Melalui kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), aktiviti pemantauan status kualiti air telah dijalankan di stesen pengawasan Kualiti Air Sungai Besut.Aktiviti pemantauan yang telah dijalankan pada Februari 2024 menunjukkan bacaan in-situ kualiti air sungai berada pada tahap yang normal.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

- **Aktiviti Gotong-royong di Bukit Kluang**

  Aktiviti plogging telah dianjurkan oleh Majlis Daerah Besut ini adalah anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 19 September 2024. Seramai lebih 300 peserta telah terlibat bagi menjayakan aktiviti gotong-royong mengindahkan pesisir Pantai Bukit Keluang. Turut hadir sama menjayakan aktiviti pengindahan ini adalah ahli-majlis, beberapa pihak NGO, badan-badan swasta dan pelajar-pelajar daripada institusi pelajaran terdekat.

  Aktiviti ini adalah untuk memberi galakkan serta kesedaran pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar di kawasan laut serta pantai di Besut. Program ini juga memberi pendedahan luas terhadap kepentingan menjaga dan seterusnya mengubah imej pantai supaya lebih ceria.





Sumber: Majlis Daerah Besut



MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah Besut	• **Menaiktaraf Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** Empat pusat pemindahan sementara (PPS) banjir di Hulu Besut dinaik taraf sebagai pusat pemindahan kekal (PPK) dengan kos keseluruhan RM2 juta. PPK tersebut dilengkapi kemudahan memasak, stor dan tandas untuk kemudahan mangsa banjir dan bakal memberi manfaat kepada kira-kira 5,000 penduduk di 10 kampung. Sebanyak 4 buah PPS telah terlibat dalam proses naiktaraf ini iaitu: - Kampung Panchor - Cawangan - Keruak - Batu 13 Tujuan utama gerak kerja naik taraf ini dilakukan adalah untuk menyediakan ruang awam yang selamat sebagai tempat perpindahan mangsa banjir.

P4-Peace / Keamanan



MENGGALAKKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MENYELURUH UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH PADA SEMUA PERINGKAT

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	• **Operasi Tangkapan Penagih Dadah** Operasi tangkapan dijalankan di beberapa kawasan berisiko tinggi seperti Mukim Keluang, Mukim Tembila, Mukim Renek dan Mukim Kuala Besut bagi mengurangkan kadar penagih dadah di kawasan berkenaan. Satu operasi bersepadu telah dijalankan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Besut pada Oktober lalu melibatkan 37 anggota Maritim

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Malaysia (APMM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Seramai tujuh nelayan termasuk lima warga asing yang sedang khayal dadah telah diberkas. Hasil soal siasat awal rata-rata suspek mendakwa mengambil dadah sebagai penambah tenaga dan menghilangkan tekanan bekerja di tengah laut[27].  *Sumber: Kosmo (2024)*

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

[27] Adlan, M. A. (2024, October 26). Dadah 'suntik' tenaga, hilang tekanan di laut. Kosmo Digital. https://www.kosmo.com.my/2024/10/26/nelayan-dakwa-dadah-tambah-tenaga-hilang-tekanan-di-laut/

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi


Isu kemiskinan telah dipilih untuk dibincangkan bagi kawasan Parlimen Besut yang mana isu ini menyentuh beberapa aspek-aspek lain yang menjadi punca isu ini berlarutan iaitu

1. Cabaran sosio ekonomi ibu tunggal
2. Banjir dan kesan kepada ekonomi penduduk
3. Pendapatan nelayan dan petani yang tidak stabil
4. Peluang pekerjaan yang terhad





Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka dibawah:



Isu Kemiskinan

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
1	**Mewujudkan Lebih Banyak Peluang Pekerjaan** Usaha ini memerlukan pendekatan dua hala; sama ada dengan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan - berniaga sendiri atau dengan meningkatkan kebolehpasaran graduan dan belia untuk bekerja dengan orang lain. Bagi usahawan baru yang berniaga sendiri, suntikan modal permulaan perniagaan melalui geran seperti Geran Agropreneur Muda oleh Kementerian	**Mentaliti penduduk yang tidak mahu berubah dan terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan** Cabaran ini berpunca daripada faktor persekitaran dimana setelah sekian lama bergantung kepada pekerjaan tradisional yang bersifat turun temurun, wujudnya rasa takut untuk mengambil risiko memulakan perniagaan sendiri. Pelbagai bantuan telah disediakan di peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan seperti bantuan MyKasih, baik pulih rumah, geran-geran dan sebagainya. Disebabkan itu, terdapat masyarakat yang hanya mengharapkan bantuan semata-	Agensi yang menyediakan bantuan seharusnya mengadakan mesyuarat atau perjumpaan susulan bersama penerima geran bagi memantau perkembangan mereka dan memberikan khidmat nasihat serta bimbingan. Seandainya penerima geran tidak mencapai standard yang ditetapkan, mereka harus memberikan sebab yang munasabah dan seandainya isu itu berlarutan, bantuan yang diberikan akan ditarik balik. Pada masa yang sama, beban tugas pegawai yang bertanggungjawab memantau projek-	• Jabatan Pertanian • RISDA • Perikanan • Pejabat Daerah & Tanah • FAMA • GIAT Mara • Universiti – UMT, UnisZA • JKM • MAIDAM • Majlis Daerah • YB Parlimen dan ADUN • KETARA • Veterinar • ECER • Yayasan Pembang-unan Usahawan • JPN • Tereng-ganu Agrotech Develop-ment

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	Pertanian adalah penting bagi membantu mereka membangunkan potensi perniagaan mereka. Namun begitu, modal sahaja tidak memadai. Keperluan untuk memberi latihan dan pembangunan kemahiran adalah sama pentingnya bagi memastikan perniagaan yang dibangunkan bertahan lama dan bukan bersifat hangat-hangat tahi ayam. Oleh yang demikian, mentaliti masyarakat haruslah diubah daripada mencari kerja kepada mencipta	mata. Malah, daripada keseluruhan penerima bantuan-bantuan tersebut, hanya segelintir kecil yang benar-benar berjaya menjana pendapatan dan keluar daripada kepompong kemiskinan. Dalam kebanyakan kes, penerima bantuan ini tidak berjaya mengekalkan perniagaan mereka dan mengambil pendekatan menjual balik peralatan-peralatan yang diberikan.	projek penerima geran sewajarnya dikurangkan tanpa perlu melibatkan urusan pentadbiran di pejabat. Hal ini bagi memastikan pegawai tersebut dapat memberikan sepenuh perhatian kepada proses pemantauan dan bimbingan di lapangan yang merangkumi aspek-aspek kritikal seperti ● Pemantauan fizikal dan kewangan projek di lokasi ● Memberi bimbingan dan nasihat teknikal kepada penerima geran ● Mengenal pasti isu pelaksanaan dan membantu mencari penyelesaian ● Memastikan pencapaian projek berjalan seperti yang dirancang	Corporation (TADC) • Jabatan Pertanian • Pejabat Daerah • Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutu-an (FAMA) • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Malaysian Invest-ment Develop-ment Authority (MIDA) • Unit Peran-cang Ekonomi Negeri (UPEN) • Jabatan Kemajuan Masyara-kat (KEMAS)

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	peluang pekerjaan.	**Tiada kemahiran dan latihan yang tepat untuk menjalankan sesuatu perniagaan / pekerjaan.** Dalam membangunkan satu perniagaan baru, seseorang itu harus memiliki pelbagai kemahiran yang bukan sahaja kemahiran bersifat teknikal (seperti menanam atau membuat kraftangan), namun mereka harus mempunyai kemahiran pengurusan perniagaan seperti perancangan kewangan, pengurusan inventori, pembangunan produk serta pemasaran. Ketiadaan latihan yang berterusan akan menyebabkan mereka sukar untuk mereka mengubah idea mereka menjadi sebuah perniagaan	Pelaksanaan program latihan kemahiran haruslah berterusan dan tidak boleh bersifat sekali sahaja *(one-off).* Module latihan perlu dirangkai sebagai sebuah program yang berterusan dan berperingkat, selari dengan kitaran hidup perniagaan penerima geran. Bagi memastikan kejayaan dan kelangsungan setiap projek yang dibiayai, adalah kritikal untuk **melaksanakan mekanisme tapisan dan pemilihan yang lebih ketat**. Calon penerima geran haruslah diutamakan daripada kalangan: • **Petani, penternak, atau nelayan sedia ada** yang sudah mempunyai pengalaman	• Majlis Amanah Rakyat (MARA) • Yayasan Pembangunan Keluarga • TEKUN Nasional • YB Exco

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
		yang berdaya saing dan menguntungkan.	praktikal dalam bidang tersebut. ● **Usahawan kecil dan mikro** yang telah pun menceburi bidang pertanian, penternakan, atau perikanan pada skala kecil dan ingin mengembangkan perniagaan mereka.	
		Tidak Mahir dalam Pemasaran Produk Cabaran besar yang dihadapi oleh usahawan baru adalah pasaran untuk produk dan perkhidmatan yang terhad. Parlimen Besut mungkin mempunya populasi dan kuasa beli yang terhad. Oleh itu, kemahiran pemasaran haruslah dikuasai untuk memastikan produk yang dijual dapat menembusi pasaran luar.	Usahawan bukan sahaja perlu dilatih menghasilkan produk yang berkualiti, tetapi juga mempelbagaikan saluran pemasaran (contohnya melalui platfom media sosial) dan meluaskan rangkaian perniagaan bagi memastikan produk meraka terjual dan dapat menjana pendapatan yang stabil.	

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
2	**Mewujudkan Perindustrian Baru (Kilang Pemprosesan) dan Pusat Pengumpulan Hasil** i. Kilang Pemprosesan Dua sektor utama yang akan difokuskan untuk dimajukan ialah perikanan dan pertanian. Berdasarkan potensi sedia ada, sebuah kilang pemprosesan boleh dibangunkan untuk memproses hasil laut seperti keropok, ikan bekok, ikan masin, otak-otak serta produk-produk hiliran lain. Kilang ini bukan sahaja mampu menawarkan lebih banyak peluang kepada penduduk setempat yang mempunyai kemahiran, malah	**Susah Untuk Mendapatkan Peserta Yang Berminat** Cabaran untuk mendapatkan peserta yang benar-benar berminat dan komited. Persepsi golongan muda khususnya sering menganggap sektor pertanian dan perikanan sebagai kerja yang susah, kotor dan berpendapatan rendah. Tarikan gaji tetap dengan pelbagai manfaat ditawarkan oleh sektor perkhidmatan membuatkan mereka lebih memilih untuk berpindah ke bandar besar seperti Kuala Lumpur dan menetap di sana. Oleh itu, kebanyakan yang tinggal di kampung serta kawasan luar bandar adalah golongan pencen dan warga emas.	Satu pendekatan proaktif dan berstrategi perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti golongan yang betul-betul berminat dan mempunyai potensi untuk bekerja di kilang.	• Jabatan Pertanian • Jabatan Perikanan • Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) • Pejabat Daerah dan Tanah • Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutu-an (FAMA) • Rubber Industry Small-holders Develop-ment Authority (RISDA) • Kawasan Pembang-unan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) • East Coast Economic Region (ECER) • GIATMARA

BIL	CADANGAN PENYELESAIAN	CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	turut membantu memberikan pendapatan lebih stabil kepada nelayan-nelayan kecil. ii. Pusat Pengumpulan Hasil Pusat ini diwujudkan sebagai hab untuk mengumpul dan mengagihkan hasil pertanian tempatan, dengan tumpuan khusus pada tanaman seperti ubi kayu dan ubi keledek yang mempunyai potensi tinggi.	**Lambakan Hasil Pertanian** Risiko lambakan hasil boleh terjadi seandainya pengeluaran tidak seimbang dengan permintaan pasaran. Isu boleh terjadi apalah wujudkan masalah koordinasi antara penawaran dan permintaan *(supply and demand)* serta ketiadaan infrastruktur dan teknologi pemprosesan yang baik.	Isu lambakan hasil sebagai contoh hasil tembikai dapat ditangani dengan efektif melalui strategi pemprosesan produk hiliran. Contoh-contoh produk hiliran yang dapat dihasilkan ialah pes tembikai, minuman berasaskan tembikai seperti jus segar dan cordial, gula-gula dan jeruk. Produk yang telah diproses mempunyai jangka hayat yang lebih panjang dan berpotensi untuk dipasarkan ke luar daerah dan negeri.	• Universiti – Universiti Malaysia Terengganu (UMT), UnisZA • Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) • YB Parlimen dan ADUN • Jabatan Perkhid-matan Veterinar • Yayasan Pembang-unan Usahawan

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Analisis terhadap profil kemiskinan di Parlimen Besut mendedahkan satu realiti iaitu majoriti penduduknya bergantung hidup pada aktiviti ekonomi primer seperti pertanian, penternakan dan perikanan. Kebergantungan yang tinggi terhadap sektor-sektor yang sangat terdedah kepada faktor alam semula jadi ini menjadi punca utama kepada kitaran kemiskinan yang sukar diputuskan.

Dalam konteks semasa, kesan perubahan iklim yang semakin ketara telah memburukkan lagi keadaan ini. Peralihan monsun yang tidak menentu dan peningkatan kekerapan kejadian cuaca ekstrem (seperti banjir kilat, kemarau berpanjangan dan ribut) telah menyebabkan kerugian besar bagi hasil tanaman dan ternakan, lantas menjejaskan sumber pendapatan utama mereka. Bagi komuniti nelayan pula, fenomena ini membawa implikasi yang lebih mendalam. Keadaan laut yang semakin bergelora dan tidak dapat diramal bukan sahaja mengurangkan bilangan hari mereka boleh turun ke laut, malah membahayakan nyawa.

Isu yang sama bukan sahaja berlaku di Parlimen Besut tapi turut berlaku di kawasan-kawasan lain seluruh Malaysia. Perubahan iklim bukan sekadar isu alam sekitar, tetapi telah menjadi pemacu utama kepada jurang sosioekonomi dan masalah kemiskinan tegar yang membarah dalam kalangan penduduk.

Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti

P.086 Maran

BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang 95

Objektif 97

Kaedah Pelaksanaan 98

Ringkasan Aktiviti yang telah Dijalankan 98

BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I: Sesi Pengenalan (*Ice Breaking*) 99

Aktiviti II: Pendedahan Mengenai SDG 101

Aktiviti III: Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Maran 103

Aktiviti IV: Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan 104

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa 105

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi 124

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup 136



BAHAGIAN 1 Pengenalan

Latar Belakang

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan dan pengetahuan agensi kerajaan mengenai SDG. Bengkel bagi Parlimen Maran telah berjaya dilaksanakan pada 17 Julai 2025 (Khamis) bertempat di Swiss Terrace, Swiss-Belhotel, Kuantan.

Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir. Bengkel ini turut mendapat sokongan penuh daripada Pejabat Daerah dan Tanah Maran. Jadual di bawah merupakan senarai agensi-agensi yang telah hadir ke bengkel ini:

BIL.	SENARAI AGENSI
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran
2.	Majlis Daerah Maran
3.	Pejabat Penghulu Mukim Luit 1
4.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Maran
5.	Pejabat Perikanan Daerah Maran
6.	Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Maran
8.	Pejabat Pertanian Daerah Maran
9.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Maran

Program ini telah dikendalikan oleh 6 orang fasilitator daripada APPGM-SDG iaitu:



Siti Shafina Sanusi
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Nurmaisarah Mohd Asri
Pegawai
Pembangunan Kapasiti



Siti Noraiysah Rohim
Ketua Penyelidik
Parlimen Maran



Afiqah Abdul Malik
Pegawai
Ketua Jabatan Sekretariat



Dr Adawiyah
Penyelaras Tempatan
Parlimen Kemaman



Zurratul Aina
Penyelaras Tempatan
Parlimen Bera

Objektif

Objektif utama bengkel ini adalah:

- **Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):** Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada peserta mengenai 17 SDG, kepentingannya di peringkat tempatan, serta kesannya terhadap kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

- **Menggalakkan kerjasama antara agensi dalam menangani cabaran pembangunan dan isu komuniti di peringkat tempatan:** Pengukuhan kerjasama antara-agensi dapat memanfaatkan sumber secara lebih cekap, meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, serta mewujudkan penyelesaian holistik yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat.

- **Mengenal pasti dan menggalakkan penglibatan agensi berautoriti serta pemimpin tempatan untuk menerajui pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi:** Mengenal pasti dan memperkasakan pemimpin tempatan, pegawai kerajaan daerah, dan wakil komuniti yang berpotensi menjadi penggerak utama SDG, memberi inspirasi kepada orang lain, serta mendorong kesan jangka panjang dalam komuniti mereka.

- **Mengintegrasikan prinsip SDG dalam proses kerja harian, tadbir urus, dan rangka dasar :** Selain meningkatkan kesedaran dan perancangan, mengamalkan prinsip SDG dalam pembuatan keputusan harian dapat memastikan kelestarian kekal sebagai keutamaan dalam pentadbiran dan pembangunan. Ini melibatkan penyelarasan dasar, prosedur kerja, dan perancangan strategik dengan sasaran SDG, sekaligus membawa kepada perubahan institusi yang dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, pembangunan komuniti, dan pengurusan alam sekitar secara berterusan.

Kesemua objektif ini secara kolektif menyumbang kepada membangunkan budaya kelestarian, memastikan bahawa SDG bukan sahaja difahami tetapi dilaksanakan secara aktif pada semua peringkat tadbir urus dan penglibatan komuniti.

Kaedah Pelaksanaan

Berikut merupakan kaedah penyampaian yang telah digunakan sepanjang program berlangsung:

- Syarahan interaktif
- Perkongsian pengalaman
- Aktiviti dan permainan interaktif
- Perbincangan dalam kumpulan
- Pembentangan kumpulan

Ringkasan Aktiviti yang Telah Dijalankan

Bengkel yang telah dijalankan ini merangkumi empat (4) aktiviti utama yang berikut;

- **Aktiviti I** : Sesi pengenalan *'ice-breaking'*
- **Aktiviti II** : Pendedahan Mengenai SDG
- **Aktiviti III** : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Maran
- **Aktiviti IV** : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan



BAHAGIAN 2 Aktiviti Bengkel

Aktiviti I : Sesi Pengenalan *(Ice-Breaking)*

Program telah dimulakan dengan sesi pengenalan (*ice breaking*) melalui permainan BINGO. Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta saling berinteraksi agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat. Di samping itu, para peserta turut menulis nama dan agensi masing-masing pada *'name stand'* yang disediakan bagi memudahkan para peserta dan fasilitator saling mengenali. Aktiviti ini bukan sahaja membantu peserta mengenali antara satu sama lain dengan lebih baik, malah ia juga mewujudkan suasana riang dan santai yang menggalakkan interaksi positif.








BINGO


KOSONG MAKLUM BALAS


BINGO


3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

Aktiviti II : Pendedahan Mengenai SDG

Selepas sesi *ice-breaking,* program diteruskan dengan pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai 17 Matlamat Pembangunan Mampan. Sesi ini menghuraikan dengan lebih mendalam peranan penting SDG dalam pembangunan mampan serta bagaimana agensi-agensi boleh memainkan peranan aktif dalam mencapai sasaran tersebut. Para peserta turut didedahkan dengan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil oleh agensi untuk menyelaraskan operasi dan program mereka dengan prinsip-prinsip SDG.







Pembentangan peranan agensi dan pemetaan SDG oleh peserta bengkel Parlimen Maran secara berkumpulan.








Para pemenang Kuiz Kahoot SDG Parlimen Maran

Aktiviti III : Perbincangan Penyelesaian Isu Parlimen Maran

Pengisian aktiviti bagi sesi seterusnya adalah perbincangan antara-agensi dalam mencari penyelesaian isu setempat. Pembentangan isu-isu yang diperolehi hasil daripada lawatan pemetaan isu telah disampaikan oleh Cik Siti Noraiysah Rohim, Ketua Penyelidik Parlimen Maran. Isu yang telah dipilih untuk diberi perhatian dan dibincangkan adalah seperti berikut;

BIL.	TEMA	ISU
1.	Sosial	**Peluang pekerjaan dan sosio-ekonomi yang terhad** ● Ketiadaan sektor industri dan pusat kemahiran menyebabkan penduduk bergantung kepada pekerjaan kampung yang tidak tetap dan berpendapatan rendah ● Penghijrahan belia ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang baik ● Wanita serta ibu tunggal kekurangan akses kepada latihan keusahawanan dan pembangunan ekonomi





Perbincangan penyelesaian isu, mengenalpasti cabaran, penyelesaian kepada cabaran serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan isu peluang pekerjaan yang terhad bagi Parlimen Maran.

Aktiviti IV : Kumpulan Sokongan Penyampaian Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan

Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan merupakan satu inisiatif kolaboratif yang melibatkan kakitangan agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah di dalam sesebuah kawasan Parlimen bersama kumpulan pemimpin setempat dan ahli komuniti.

Kumpulan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan pelaksanaan SDG dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bagi memastikan tiada individu atau kelompok masyarakat yang terpinggir atau ketinggalan dalam proses pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai simbolik komitmen dan sokongan terhadap penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan, bacaan ikrar telah diadakan oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir.



Bacaaan Ikrar Kumpulan Sokongan Penyampaian dan Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan Parlimen Maran oleh wakil agensi yang hadir.

BAHAGIAN 3 Hasil Dapatan

Hasil Dapatan Pertama : Inisiatif Semasa

Berdasarkan aktiviti Pemetaan SDG yang telah dijalankan, beberapa inisiatif semasa telah dikenal pasti sebagai contoh kejayaan dalam mengaplikasikan prinsip SDG di peringkat Parlimen Maran. Pengenalpastian ini dilakukan melalui sesi perbincangan yang konstruktif, perkongsian maklumat yang menyeluruh serta refleksi mendalam daripada para peserta yang terlibat.

Inisiatif semasa yang dikenal pasti merupakan hasil dapatan daripada sesi perkongsian pihak agensi yang hadir, di mana mereka membentangkan tindakan serta program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan dalam skop tugas harian masing-masing. Hasil dapatan ini telah disusun mengikut 5 tonggak utama SDG (*5 Pillars*) dan matlamat SDG utama bagi setiap program agensi. Rajah dibawah menunjukkan 5 tonggak utama SDG:



Hasil perbincangan bersama wakil-wakil agensi yang telah hadir, berikut merupakan senarai program-program yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan di Parlimen Maran berdasarkan 17 matlamat SDG.

P1-People / Kemanusiaan



MEMBASMI SEMUA BENTUK KEMISKINAN DI SELURUH DUNIA

BIL	AGENSI	PROGRAM
1.	Jabatan Perikanan	• **Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (Sistem Sangkar Bersepadu)** Program ini disasarkan kepada komuniti yang mengusahakan ternakan akuakultur melalui sistem sangkar ikan sama ada ikan air tawar ataupun ikan marin. Sistem ternakan ikan sangkar juga tidak terhad kepada bentuk, saiz dan jenis selagi mana boleh dikenali sebagai Sistem Ternakan Ikan dalam Sangkar. Jabatan Perikanan Malaysia telah menetapkan sasaran pencapaian pengeluaran kumulatif hasil yang bakal diperolehi melalui program ini menjelang 31 Disember 2025 adalah sebanyak 15,000mt hasil ternakan dan menjana 2,500 peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung dengan projek yang diusahakan.[28] Permohonan insentif di bawah Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Projek Komersial dan Projek Kluster. Di bawah Projek Kluster, Jabatan Perikanan menyediakan geran padanan yang merangkumi bantuan dari segi

[28] Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (Sistem Sangkar Bersepadu) - Portal Rasmi Jabatan Perikanan Malaysia. (2023, August 17). Portal Rasmi Jabatan Perikanan Malaysia. https://www.dof.gov.my/perkhidmatan/akuakultur/program-pembangunan-integrasi-akuakultur-sistem-sangkar-bersepadu/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		sangkar, benih, makanan dan peralatan, dengan nisbah geran "padanan 30:70". Sebanyak 70% pembiayaan daripada Jabatan Perikanan dan 30% lagi dibiayai oleh penerima geran. Permohonan bagi Projek Kluster PPIA ini dibuka sepanjang tahun berdasarkan kepada peruntukan tahunan yang diluluskan. Pada tahun 2024, empat orang peserta telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM687,100.00.
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	• **Program Perumahan Rakyat (PPR)** PPR adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dengan jumlah pendapatan kasar seisi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia. PPR terdiri daripada 2 kategori iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki. Semua rumah yang dibina di bawah kedua-dua program PPR Dimiliki dan PPR Disewa akan menggunakan spesifikasi perancangan dan reka bentuk perumahan kos rendah yang ditetapkan dalam Standard Perumahan Kebangsaan bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (CIS2). Harga jualan seunit rumah PPR adalah RM 30,000.00 – RM 35,000.00.[29] Perumahan PPR di kawasan bandar bertingkat antara 5 hingga 25 tingkat, manakala di pinggir bandar, ia merupakan kediaman bertanah (rumah teres). Bagi PPR Disewa, kadar sewaan adalah

[29] *Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pahang*. (2024). Pahang.gov.my. https://www.pahang.gov.my/index.php/pages/view/926

BIL	AGENSI	PROGRAM
		serendah RM124.00 sebulan tidak termasuk kos penyelenggaraan.[30] Dalam pada itu di Pahang, kriteria permohonan PPR ini akan diberi keutamaan kepada anak jati Pahang. • **Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) / Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** Bermula Julai 2024, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS).[31] Penjenamaan semula ini bertujuan untuk menukar persepsi masyarakat setempat dan minda penghuni program perumahan berkenaan. Sehubungan dengan itu, keluasan perumahan tersebut juga dinaik taraf daripada 600 kepada 680 kaki persegi. PPRS turut menawarkan pilihan konsep 'sewa untuk beli' yang sebelum ini tidak ada dalam PPRT. PPRS merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar yang menyediakan bantuan bina baharu atau pembaikan rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa.[32] Sepanjang tahun 2024, KKDW telah memperuntukkan RM460.4 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja bina baru 3,000 unit PPRS dan membaik

[30] *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*. (2024). Kpkt.gov.my. https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/256?mid=164

[31] *PPRT kini dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera*. (2024, Julai 26). Portal Berita. https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pprt-kini-dikenali-sebagai-program-perumahan-rakyat-sejahtera

[32] *Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah*. (2024, September 10). Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. https://www.rurallink.gov.my/program-perumahan-rakyat-sejahtera-pprs/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		pulih 12,600 unit rumah. Di bawah RMK12 juga, lebih 10,000 unit rumah telah dibina.[33] • **Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru'RASA)** Ru'RASA merupakan inisiatif perumahan mampu milik yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2022 bertujuan membantu golongan B40 dan miskin tegar di Negeri Pahang untuk memiliki kediaman yang selesa dan selamat. Projek Ru'RASA bermula dengan fasa pertama yang melibatkan pembinaan sebanyak 190 unit rumah manakala 260 unit rumah pula pula dibina bagi fasa kedua di seluruh daerah di Negeri Pahang.[34] Reka bentuk Ru'RASA memenuhi ciri langkah keselamatan, iaitu binaan bertiang sekurang-kurangnya mengelakkan musibah banjir khususnya lokasi yang berdekatan sungai.[35] Setiap unit rumah Ru'RASA direka dengan keluasan 750 kaki persegi, lengkap dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan dan ruang dapur. Projek ini dijayakan hasil kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan rumah-rumah yang dibina berharga antara RM75,000 hingga RM118,000.

[33] Noh, M. F. (2024, July 26). *PPRT dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1276561/pprt-dijenamakan-semula-sebagai-program-perumahan-rakyat-sejahtera

[34] *Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang - LPHP*. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/share/p/1CCfjyTfrD/

[35] Ahmad, H. F. (2023, November 25). *Bantuan Ru'RASA untuk kemudahan tempat tinggal selesa hingga ke akhir hayat - Al-Sultan Abdullah*. Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/bantuan-rurasa-untuk-kemudahan-tempat-tinggal-selesa-hingga-ke-akhir-hayat-al-sultan-abdullah/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		• **Rumah Rakyat Pahang (RRP)** Projek RRP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang untuk menyediakan kediaman berkualiti kepada rakyat berpendapatan rendah dan golongan yang memerlukan. Sebagai tambahan, setiap penerima turut menerima sumbangan peralatan rumah bernilai RM2,000 sebagai sokongan awal untuk menduduki kediaman baharu mereka.[36] Pada 29 Mei 2025 di Kampung Sentosa, Maran, berlangsungnya Majlis Penyerahan Kunci Rumah Rakyat Pahang (RRP) Fasa 4 kepada 25 penerima bagi kawasan Parlimen Maran.[37] Projek bantuan perumahan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban rakyat dari segi ekonomi. • **Rancangan Makanan Tambahan (RMT)** RMT telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 1979. Program ini bertujuan memperbaiki keadaan kesihatan, fizikal dan amalan pemakanan dalam kalangan murid sekolah rendah terutamanya dari kawasan luar bandar dan golongan berpendapatan rendah. Setiap murid yang menerima manfaat ini juga dibekalkan dengan sekotak susu sebagai diet tambahan. Mulai tahun 2022, pemberian susu dilakukan pada setiap hari persekolahan berbanding dua kali seminggu sebelum ini. Bekalan makanan bagi program RMT diberikan kepada penerima RMT pada setiap hari persekolahan dengan jumlah hari maksima sebanyak 190 hari setahun. Menu RMT ditetapkan oleh KPM dengan mengambil kira pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia

[36] *LPHP*. (2025). Lphpahang.gov.my. https://www.lphpahang.gov.my/art/47
[37] *Kerajaan Negeri Pahang*. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/share/p/16oknAHkXA/

BIL	AGENSI	PROGRAM
		(KKM). Pihak sekolah boleh memilih menu RMT daripada 20 menu yang ditetapkan. Kadar harga RMT adalah sebanyak RM3.50 bagi seorang murid/hari untuk negeri-negeri di semenanjung. Manakala, di Sarawak, Sabah dan W.P. Labuan adalah sebanyak RM4.00 bagi seorang murid/hari.[38] Inisiatif RMT ini mampu meringankan beban ibu bapa kerana tidak perlu mengeluarkan duit belanja harian anak-anak mereka di sekolah.
3.	Jabatan Pertanian Daerah Maran	• Jabatan Pertanian Maran berperanan memperkukuh sektor agro tani melalui pelbagai inisiatif. Antaranya termasuk: - **Pemberian Geran Pertanian Komoditi** Jabatan Pertanian Maran memberikan geran Pertanian Komoditi kepada agensi-agensi kerajaan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), serta sekolah-sekolah terpilih bagi menyokong pembangunan projek pertanian tempatan. - **Penyediaan Set NFT (*Nutrient Film Technique*)** Jabatan Pertanian Maran juga menyediakan set NFT untuk tanaman sayuran dengan kos RM10,000 bagi setiap set, bertujuan menggalakkan penggunaan teknologi pertanian moden dalam kalangan masyarakat dan institusi pendidikan. Inisiatif-inisiatif ini membantu memperkasa sesi pembelajaran agro tani dalam kalangan pelajar serta meningkatkan pengetahuan dan penyertaan komuniti setempat dalam bidang pertanian.

[38] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Rancangan Makanan Tambahan (RMT)*. Moe.gov.my. https://www.moe.gov.my/rancangan-makanan-tambahan

BIL	AGENSI	PROGRAM
4.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	• **Projek Khas Perumahan Nelayan** Projek ini dijalankan untuk membantu golongan nelayan yang berkelayakan khususnya dalam kalangan golongan miskin dan miskin tegar dengan cara membaik pulih rumah, membina rumah baharu dan membangunkan penempatan semula nelayan yang dilengkapi dengan prasarana asas supaya masyarakat nelayan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.[39] Kadar maksimum bagi program baik pulih rumah ialah RM13,000 sebuah (Semenanjung Malaysia) dan RM15,000 sebuah (Sabah / Sarawak / W.P. Labuan). Manakala, kadar maksimum bagi program bina rumah baharu ialah RM56,000 sebuah (Semenanjung Malaysia) dan RM68,000 sebuah (Sabah / Sarawak / W.P. Labuan). Sehubungan dengan itu, kadar maksimum bagi program penempatan semula nelayan ialah RM70,000 sebuah (Semenanjung Malaysia) dan RM90,000 sebuah (Sabah / Sarawak / W.P. Labuan). Dengan adanya bantuan seperti ini, ia dapat meringankan beban nelayan dari segi pembayaran rumah sewa.

[39] *Projek Khas Perumahan Nelayan | Ihsan MADANI*. (2025, August 8). Ihsanmadani.gov.my. https://ihsanmadani.gov.my/inisiatif/perumahan/projek-khas-perumahan-nelayan



MENGHENTIKAN MASALAH KELAPARAN, MENCAPAI SASARAN JAMINAN MAKANAN DAN PEMAKANAN YANG LEBIH BAIK SERTA MENGGALAKKAN PERTANIAN LESTARI

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Maran berperanan meninjau tahap kemiskinan dan melaksanakan langkah-langkah pembasmian bagi memastikan golongan miskin mempunyai masa depan yang lebih terjamin. Antara inisiatif yang dijalankan termasuk: - **Penyediaan Kemudahan Asas dan Sokongan** JKM Maran menyediakan pelbagai kemudahan seperti peluang pembelajaran yang berkualiti serta makanan yang berkhasiat bagi memastikan kebajikan dan kesihatan golongan berpendapatan rendah terus terpelihara. - **Pemerkasaan Sosioekonomi Golongan Miskin** JKM Maran juga memberi peluang kepada golongan miskin untuk memajukan kehidupan mereka melalui program pembangunan kemahiran dan ekonomi, seterusnya membantu menghentikan kitaran kemiskinan berterusan (*poverty cycle*) dan mengurangkan risiko kemiskinan genetik menjelang tahun 2030. • Semua usaha ini diharap dapat meningkatkan taraf hidup, mengurangkan jurang kemiskinan, dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial jangka panjang negara.



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI SECARA MENYELURUH DAN SAKSAMA SERTA MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	• **Kerjasama Strategik antara Agensi** Pihak PDRM dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sentiasa berkolaborasi dalam menjaga kebajikan pelajar melalui program kesedaran, pemantauan serta sokongan sosial. Kesannya, ia dapat membentuk pemikiran para pelajar untuk menjadi lebih kritis dan kreatif dalam menghadapi cabaran. • **Kempen dan Ceramah Kesedaran** PDRM Maran juga menganjurkan kempen dan ceramah berkaitan jenayah secara berkala. Kempen dan ceramah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan dan membina disiplin diri masyarakat. • **Pemodenan Pendidikan di Sekolah** Penerapan kaedah pembelajaran moden sangat penting di sekolah seperti penggunaan video, teknologi digital, dan interaktif untuk memudahkan pemahaman murid. Dengan itu, pelajar lebih memahami kehendak semasa pendidikan serta bersedia menghadapi keperluan masa hadapan. • **Kepelbagaian Modul dan Bahan Global** Penyediaan modul dan bahan pembelajaran yang bersifat global perlu bagi mendedahkan para pelajar dengan isu, budaya, dan ilmu di peringkat antarabangsa. Kaedah ini dapat membentuk pelajar yang berfikiran terbuka, berdaya saing, serta mampu beradaptasi dengan perubahan dunia global.
2.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	• JAKOA menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan untuk murid orang asli bermula daripada sekolah rendah, sekolah menengah sehinggalah ke Institusi Pengajian Tinggi. Antara bantuan yang diberikan termasuklah:

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		- **Pakaian seragam (uniform) sekolah bagi pelajar Darjah 1 dan Tingkatan 1** Bantuan ini dapat meringankan kos persediaan awal persekolahan serta memberi motivasi kepada murid untuk hadir ke sekolah dengan lebih yakin. - **Bantuan yuran persekolahan dan wang saku** JAKOA memberi bantuan yuran persekolahan dan wang saku sebanyak RM4.00 sehari bagi pelajar sekolah menengah sahaja. - **Perkhidmatan Pengangkutan bas/van dari tempat tinggal ke sekolah** Perkhidmatan ini memudahkan akses pendidikan tanpa halangan jarak atau kos perjalanan. Sekaligus memberi keselesaan dan keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah. - **Anugerah Pelajar Cemerlang SPM dan STPM** Anugerah ini memberi galakan kepada murid Orang Asli untuk bersaing secara sihat dengan rakan sebaya. - **Bantuan kewangan untuk pelajar di IPTA** Bantuan ini dapat mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli di IPTA khususnya serta mengurangkan beban kewangan keluarga.
3.	Pejabat Pendidikan Daerah	• **Unsur Pendidikan Berasaskan Teknologi Terkini** Penggunaan teknologi moden dalam pendidikan prasekolah dapat menarik minat kanak-kanak untuk hadir ke sekolah secara konsisten. Pendekatan ini menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif, menyeronokkan, dan sesuai dengan perkembangan zaman.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		• **Pendidikan melalui Permainan dan TV Pelajaran** Pendedahan berbentuk visual dan audio yang interaktif, seperti permainan pendidikan dan rancangan TV pelajaran, membantu menyampaikan ilmu dengan lebih efektif. Kaedah ini bukan sahaja membasmi masalah pelajar yang tidak menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis, mengira), malah melahirkan kanak-kanak lepasan prasekolah yang lebih cerdas, pintar, dan bersedia untuk melangkah ke peringkat pendidikan seterusnya.

P2-Prosperity / Kemakmuran



MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN MAMPAN, GUNA TENAGA PENUH DAN PRODUKTIF SERTA PEKERJAAN YANG BAIK UNTUK SEMUA

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran	• **Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi MADANI)** Program ini merupakan inisiatif baharu Kerajaan MADANI untuk merancak dan memartabatkan aktiviti sosioekonomi di peringkat komuniti. Kerajaan telah menyediakan geran antara RM50,000 hingga RM100,000 kepada komuniti untuk melaksanakan aktiviti peningkatan ekonomi dalam komuniti. Program ini telah menyasarkan lima sektor yang menjadi teras kepada pelaksanaan iaitu sektor pertanian dan makanan, pelancongan dan hospitaliti, jahitan dan kraftangan, herba dan kesihatan serta aktiviti hijau dan kitar semula. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan UiTM telah dilantik sebagai Penyelaras

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Negeri bagi menjayakan program Sejati Madani @ KPT bagi negeri Pahang. UMPSA bertanggungjawab bagi kawasan Cameron Highlands dan Paya Besar. Manakala UiTM (Pahang) bagi kawasan Maran, Kolej Komuniti Pekan (Pekan) serta Kolej Komuniti Bentong (Bentong) dan kolej komuniti lain di seluruh negara juga terlibat mengikut lokaliti masing masing.[40] Program ini dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
2.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	• AADK Maran memberi peluang pekerjaan kepada klien-klien pengawasan yang tidak bekerja dengan kerjasama penduduk setempat. • Usaha ini dapat menjana pendapatan klien dan ekonomi penduduk setempat sekaligus dapat mengurangkan pengangguran dalam kalangan klien. Bukan itu sahaja, hubungan sosial dan jalinan kerjasama dapat dibentuk oleh klien bersama masyarakat sekitar. • Secara tidak langsung perkara ini dapat mengubah mentaliti negatif masyarakat tentang klien dan sentiasa menyokong klien untuk bebas daripada dadah.
3.	Jabatan Pertanian/ Majlis Amanah Rakyat (MARA)	• Jabatan Pertanian dan MARA bekerjasama melaksanakan pelbagai inisiatif bertujuan memperkasa golongan belia, khususnya di kawasan kampung. Antara inisiatif yang dijalankan adalah seperti berikut: - **Kursus Kemahiran Belia** Menyediakan latihan dan kursus kemahiran seperti jahitan, pertanian moden, serta asas keusahawanan bagi melahirkan belia yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

[40] *Sejati Madani: IPT Memacu Perubahan Sosioekonomi Komuniti*. (2024). UMPSA News. https://news.umpsa.edu.my/experts/sejati-madani-ipt-memacu-perubahan-sosioekonomi-komuniti

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		- **Penganjuran Aktiviti Belia di Kampung** Menganjurkan pelbagai aktiviti komuniti untuk menggalakkan penglibatan belia, memperkukuh semangat kerjasama, serta mewujudkan rangkaian sosial yang positif. - **Peluang Pekerjaan dan Keusahawanan** Memberi peluang kepada belia untuk menjana pendapatan, termasuk dalam bidang keusahawanan kecil dan sederhana, seterusnya mengelakkan masalah pengangguran dan mengurangkan gejala sosial. Peningkatan penyertaan belia dalam sektor pertanian dan keusahawanan membantu merancakkan perkembangan ekonomi setempat, selain menyokong pertumbuhan usahawan kecil dalam kalangan generasi muda.



MENJADIKAN BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA LEBIH MENYELURUH, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	• **Pusat Pemindahan Tetap (PPT)** Kerajaan negeri Pahang membina lima Pusat Pemindahan Tetap (PPT) dengan kos hampir RM31 juta di lima daerah untuk keselesaan penduduk terjejas banjir. Antaranya adalah PPT Kampung Luit, Maran yang merupakan PPT Pertama di Malaysia dan telah siap dibina pada November 2023. PPT di Kampung Luit dibina dengan kos RM650,300 dan mampu menampung sehingga 24 keluarga jika banjir berlaku. Pada 21 November 2023, telah berlangsungnya Majlis Perasmian Pusat Pemindahan Tetap (PPT) Pertama di Malaysia.

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Majlis ini berlangsung di PPT Kg. Luit, Maran.[41] Pusat Pemindahan ini dapat memberikan tempat berlindung kepada mangsa bencana dengan lebih selesa • **Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** Pada setiap tahun, kerajaan negeri Pahang telah membuka Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sebagai pusat penempatan sementara mangsa yang mengalami bencana banjir. Ketika banjir gelombang kedua yang melanda negeri Pahang pada 10 Disember 2024, Maran menjadi daerah pertama di Pahang yang dilanda banjir. Sebanyak 4 buah PPS telah dibuka di Maran. Antaranya PPS di Kampung Ulu Luit, Pusat Pemindahan Tetap Luit, Kampung Sungai Baru Chedong dan Surau Bukit Kuin.[42] Pembukaan PPS ini juga dapat memudahkan proses penyampaian bantuan kepada mangsa yang terlibat.
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	• **Skim Tanah Rakyat (STR)** STR merupakan program kerajaan negeri Pahang untuk menganugerahkan tanah kepada rakyat, terutamanya di kawasan kampung dan FELDA bagi memberi peluang kepada mereka memiliki tanah sendiri. Pada Oktober 2024, kerajaan Pahang memperluaskan STR untuk generasi FELDA dengan penambahan sebanyak 16 kawasan baharu di seluruh negeri. FELDA memiliki 115 tanah rancangan di seluruh negeri, dan Skim STR membolehkan setiap rancangan yang mempunyai

[41] Harian, W. S. (2023, November 21). *Pahang bina pusat pemindahan tetap di lima daerah | Sinar Harian*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/635706/edisi/pahang/pahang-bina-pusat-pemindahan-tetap-di-lima-daerah

[42] Rosilawati Rosedi. (2024, December 10). *Pahang mula dilanda banjir, 4 PPS dibuka di Maran | Sinar Harian*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/701417/edisi/pahang/pahang-mula-dilanda-banjir-4-pps-dibuka-di-maran

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		tanah dapat menyediakan tanah untuk anak-anak peneroka FELDA. [43] Manakala pada 3 Januari 2025, sebanyak 255 lot Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang (STRFP) tersedia untuk generasi ke-2 FELDA Jengka 7 yang terletak di daerah Maran. FELDA Jengka 7 adalah rancangan FELDA yang pertama bagi STRFP bagi Parlimen Maran.[44] • **Perumahan Generasi Baharu FELDA (Rumah Pahang)** Pahang satu-satunya negeri di Malaysia yang mengambil alih projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang terbengkalai. PGBF ini pada asalnya merupakan inisiatif perumahan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) untuk menyediakan rumah mampu milik kepada generasi kedua dan ketiga peneroka FELDA. Projek ini terbengkalai disebabkan oleh masalah kewangan pemaju, kelulusan teknikal tertangguh serta isu berkaitan perancangan dan pengurusan tapak. Projek ini dijenamakan semula kepada Rumah Pahang untuk memberikan identiti tempatan dan memperkukuh jenama kerajaan negeri dalam penyediaan perumahan rakyat. Ini juga membuka ruang untuk struktur pemantauan dan pelaksanaan lebih tersusun di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP).[45]

[43] Norawazni Yusof. (2024, October 5). *16 kawasan baharu Skim Tanah Rakyat untuk generasi Felda | Sinar Harian*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/689322/edisi/pahang/16-kawasan-baharu-skim-tanah-rakyat-untuk-generasi-felda

[44] *DS Shahaniza Shamsuddin*. (2025). Facebook.com. https://www.facebook.com/DSShahaniza/posts/255-lot-skim-tanah-rakyat-felda-pahang-strfp-tersedia-untuk-generasi-ke-2-felda-/10229108111420809/

[45] Ridhwanisme. (2025, April 25). *Pahang satu-satunya negeri di Malaysia yang mengambil alih projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF)*. EvolusiBina. https://www.evolusibina.com/post/pahang-satu-satunya-negeri-di-malaysia-yang-mengambil-alih-projek-perumahan-generasi-baharu-felda-p?fbclid=IwY2xjawMrakxleHRuA2FlbQIxMQBicmlkETF1cDExcDk0Z3M0a1hkMHdMAR75m9jNR8tIBxNlBzUxShYnwY-c0KLheKc5jmi-1DAF36wG7EHd7D80SsnhKg_aem_FBor-Dn9lUonxUYR2fa_Eg

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		Setakat April 2025, status pembinaan projek Rumah Pahang adalah seperti berikut: - FELDA Sungai Retang, Jerantut – 69% siap, dijangka siap sebelum akhir 2025 - FELDA Jengka 11, Maran – 72% siap, sudah memasuki fasa akhir pembinaan - FELDA Jengka 1, Maran – 53% siap, namun dipergiatkan bagi mempercepatkan kemajuan Inisiatif ini penting dalam menyelesaikan isu perumahan rakyat di Pahang kerana ia mampu membantu peserta projek untuk memiliki rumah sendiri. Pemilihan pembeli berkelayakan untuk Rumah Pahang diuruskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang melalui sistem e-Perumahan.[46]
3.	Pengurusan Air Pahang Berhad (PAPB)	• **Penyelenggaraan Berkala** PAPB berperanan dalam menyelenggara paip air di seluruh negeri Pahang secara berkala agar penduduk Pahang dapat menikmati bekalan air bersih yang secukupnya. Misalnya, pada 14 Februari 2023, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM19 juta kepada PAPB bagi melaksanakan projek menggantikan paip uzur sejauh 20 kilometer di daerah Maran. Usaha ini adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air di negeri Pahang. Selain projek bernilai RM19 juta tersebut, sebanyak 10 projek mini melibatkan perbelanjaan RM33 juta lagi masih dalam proses mendapatkan kelulusan membabitkan hampir kesemua daerah di Pahang antaranya di Maran, Raub dan Temerloh pada

[46] Malek, R. A. (2024, March 11). *Pahang isytihar 18 kawasan STR untuk generasi baharu Felda*. Harian Metro; New Straits Times. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1069062/pahang-isytihar-18-kawasan-str-untuk-generasi-baharu-felda

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		ketika itu.[47] Projek mini ini meliputi penggantian paip dan pam loji air yang sudah uzur selain menaik taraf loji air sedia ada. Impak daripada inisiatif ini, penduduk Pahang akan mendapat bekalan air bersih yang secukupnya terutamanya penduduk luar bandar. Tambahan pula, pada Disember 2023, satu projek pembangunan bekalan air telah siap dilaksanakan, iaitu Projek Bekalan Air di Chenor, Daerah Maran dengan kos berjumlah RM 360,250.00.[48]

P3-Planet / Planet



MEMULIHARA DAN MENGGUNAKAN SUMBER LAUTAN, LAUT DAN MARIN SECARA MAMPAN UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
1.	Majlis Daerah Maran	• **Pembuatan *Effective Microorganisms (EM) Mudball*** Pada 9 Mei 2025, Majlis Daerah Maran telah mengadakan hari 'Cintai Tasik Kita' bagi membersihkan dan memelihara ekosistem air di Taman Tasik Maran. Antara aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah pembuatan *EM Mudball*, membuang tumbuhan teratai liar yang terdapat di dalam tasik serta membersihkan kawasan tasik dan kawasan rekreasi berhampiran tasik.[49] Pembuatan *Mudball* sangat penting bagi menjaga kelestarian tasik kerana ia bertindak sebagai 'agen

[47] Rosilawati Rosedi. (2023, February 14). *PAAB sedia RM19 juta ganti paip uzur di Maran | Sinar Harian*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/245157/edisi/pahang/paab-sedia-rm19-juta-ganti-paip-uzur-di-maran

[48] *Pengurusan Air Pahang Berhad*. (2024). Facebook.com. https://www.facebook.com/watch/?v=687575686726976

[49] *TikTok – ismifarhan.* (2025). Tiktok.com. https://www.tiktok.com/@ismifarhan99/video/7502475946046393601

BIL	AGENSI	PROGRAM/TINDAKAN
		pembersih semula jadi'. Mudball tidak merosakkan ekosistem, malah membantu memulihkan keseimbangan ekologi air dan tanah. Dalam aktiviti ini, *mudball* yang mengandungi *Effective Microorganisms (EM)* akan dibaling ke dalam air. Mikroorganisma ini membantu memecahkan bahan organik yang tercemar dan mengurangkan bau busuk serta lumpur hitam di dasar air.   Gambar : *Effective Microorganisms (EM) Mudball*

Nota

** Tindakan yang dinyatakan hanya sebahagian kecil sahaja daripada program-program yang dijalankan oleh agensi yang terlibat.*

** Terdapat beberapa SDG yang tidak mempunyai program pelaksanaan kerana agensi yang berkaitan tidak dapat hadir dan/atau tiada penerangan yang lebih terperinci tentang tindakan yang sedang dilaksanakan*

Hasil Dapatan Kedua : Cadangan Penyelesaian Isu oleh Agensi

Agensi yang hadir bersetuju untuk membincangkan isu peluang pekerjaan yang terhad dan melihat cadangan penyelesaian kepada pelbagai kumpulan sasaran di kawasan Maran. Memandangkan isu yang dibangkitkan adalah isu semasa yang sedang dalam tindakan, pihak agensi telah mencadangkan cadangan penyelesaian sedia ada serta cadangan baru yang perlu diberi perhatian. Isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut;

Peluang pekerjaan dan sosio-ekonomi yang terhad;

- Ketiadaan sektor industri dan pusat kemahiran menyebabkan penduduk bergantung kepada pekerjaan kampung yang tidak tetap dan berpendapatan rendah
- Penghijrahan belia ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang baik
- Wanita serta ibu tunggal kekurangan akses kepada latihan keusahawanan dan pembangunan ekonomi

Perbincangan penyelesaian isu ini telah dijalankan berdasarkan perincian yang berikut;

- Cadangan penyelesaian
- Cabaran yang akan dihadapi
- Cadangan Penyelesaian kepada cabaran
- Agensi terlibat
- SDG berkaitan














Perbincangan antara agensi dalam mengenal pasti cabaran penyelesaian isu Parlimen Maran

Perbincangan penyelesaian isi ini telah dijalankan berdasarkan kerangka di bawah:



Isu: Peluang pekerjaan dan ekonomi yang terhad

Berikut merupakan cadangan solusi yang dikemukakan oleh wakil-wakil agensi yang hadir semasa sesi perbincangan dijalankan. Penyelesaian yang diutarakan adalah untuk memperkukuh industri pelancongan berasaskan komuniti, industri kecil dan sederhana (IKS) serta pertanian sawit sedia ada melalui penerapan elemen nilai tambah agar lebih berdaya saing, mampan dan memberi impak yang signifikan kepada pembangunan setempat. Rujuk jadual di bawah untuk penjelasan terperinci.

Industri Sawit Maran

Daerah Maran merupakan antara kawasan utama pertanian di Negeri Pahang dengan tumpuan besar kepada tanaman kelapa sawit. Kira-kira 90% daripada sektor pertanian di Maran melibatkan kelapa sawit sama ada dalam bentuk penghasilan ***Crude Palm Oil*** (CPO), pengumpulan buah kelapa sawit untuk diproses di kilang mahupun aktiviti hiliran yang lain.

Potensi ini semakin terserlah apabila sebanyak 1,000 ekar tanah telah diperuntukkan oleh Pejabat dan Tanah Maran khususnya pembangunan industri berasaskan sawit. Cadangan pembangunan ***Palm Oil Industrial Cluster (POIC)*** dijangka mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat, mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta menggalakkan penglibatan industri kecil dan sederhana dalam rantaian bekalan sawit.

Namun demikian, terdapat beberapa cabaran termasuk kesediaan infrastruktur, ketiadaan data komprehensif bagi menarik pelaburan, serta kebergantungan kepada keberkesanan projek ***East Coast Rail Link (ECRL)*** yang hanya dijangka beroperasi pada Januari 2027. Oleh itu, perbincangan bersama pelbagai pihak telah mengemukakan cadangan penyelesaian bagi memastikan pembangunan industri sawit di Maran dapat direalisasikan secara mampan.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN: MEMAJUKAN INDUSTRI PALM OIL CLUSTER (POIC) DI MARAN MELALUI PEMBANGUNAN KILANG PEMPROSESAN, INDUSTRI HILIRAN, PUSAT PENGUMPULAN BUAH SAWIT, SERTA EKOSISTEM SOKONGAN PERUMAHAN DAN LOGISTIK		
Impak keberkesanan projek ECRL kepada Daerah Maran masih belum dapat diukur, kerana hanya akan beroperasi pada Januari 2027.	Majlis Daerah Maran akan mempermudah Urusan perancangan pembangunan, termasuk menyediakan pelan guna tanah yang lebih jelas untuk menarik pelabur.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • Jawatankuasa 13 OSC • Sektor swasta (pelabur, pemaju hartanah, kilang pemprosesan) • Agensi peringkat persekutuan berkaitan industri sawit
Ketiadaan data komprehensif (pasaran, pengeluaran, produktiviti tanah, dan unjuran pelaburan) menyukarkan usaha menarik pelabur.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran akan mempercepatkan proses pengeluaran geran tanah bagi kawasan yang telah diperuntukkan untuk industri.	
Kekangan infrastrukutr sokongan seperti perumahan pekerja, jalan perhubungan, serta akses logistik untuk menyokong pertumbuhan kluster industri.	Kerjasama strategik antara agensi dan sektor swasta diperkukuh melalui mekanisme penyelarasan contohnya jawatankuasa teknikal bersama.	
Tahap koordinasi antara agensi yang perlu diperkukuh agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan kelewatan projek	Pengumpulan dan penyediaan data sokongan berkaitan industri sawit (hasil, potensi hiliran, pasaran eksport) sebagai dokumen rujukan pelabur.	
	Mempercepat pembangunan perumahan dan infrastruktur sokongan agar dapat menampung keperluan pekerja serta pelabur apabila industri mula beroperasi.	

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pembangunan ***Palm Oil Industrial (POIC***) di Maran berpotensi menjadi salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi daerah dan negeri. Dengan sokongan 90% sektor pertanian berasaskan sawit, peruntukan tanah industri seluas 1,000 ekar, serta peluang yang bakal wujud melalui jaringan logistik ECRL, Maran mempunyai kekuatan untuk muncul sebagai hab baharu industri sawit berdaya saing.

Namun, bagi memastikan kejayaan pelaksanaan, cabaran seperti ketiadaan data, koordinasi antara agensi dan kesediaan infrastruktur perlu ditangani secara proaktif. Melalui kerjasama erat antara PDT Maran, MD, agensi teknikal dan sektor swasta, pembangunan POIC dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, mampan dan memberi impak positif kepada masyarakat setempat dari aspek ekonomi, pekerjaan dan kesejahteraan sosial.

Industri Pelancongan

Daerah Maran mempunyai kepelbagaian aset pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan secara lebih sistematik. Antara produk utama pelancongan yang dikenal pasti ialah:

- Ekopelancongan, termasuk tarikan semula jadi seperti Air Terjun Teladas, Hutan Lipur Lubuk Yu, Che Minah Sayang, Jeram Pelangi, dan Bukit Kertau yang terkenal dalam kalangan pendaki dari seluruh negara. Malah, Lubuk Yu menjadi tumpuan pelancong antarabangsa melalui penganjuran *Hammock Festival* setiap tahun, yang akan memasuki edisi ke-10 pada 1 Ogos 2025.
- Agropelancongan, dengan potensi di kawasan sawah padi (Chenor Seberang, Sri Jaya, Kertau), aktiviti memancing di pesisir Sungai Pahang, serta pengembangan produk ternakan dan perikanan sangkar.
- Pelancongan warisan dan budaya, khususnya di Chenor yang kaya dengan produk makanan tradisi, rumah warisan, rumah rakit, serta sejarah raja-raja terdahulu. Selain itu, seni budaya Orang Asli (OA) seperti tarian sewang turut menjadi daya tarikan.

Walaupun mempunyai banyak kekuatan, pembangunan pelancongan di Maran berdepan dengan beberapa cabaran, antaranya isu akses, kekangan infrastruktur, kapasiti penginapan, keperluan pemandu pelancong bertauliah, gangguan ternakan, serta keterbatasan dana. Oleh itu, satu rangka strategi telah dibincangkan untuk mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN 1: PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN BERASASKAN ASET SEMULA JADI SEBAGAI DESTINASI UTAMA PELANCONGAN ALAM DI PAHANG. (Air Terjun Teladas, Lubuk Yu, Che Minah Sayang, Jeram Pelangi, Bukit Kertau)		
Menurut wakil agensi yang hadir, keindahan Air Terjun Teladas boleh dinikmati oleh orang ramai yang melalui lebuhraya berhampiran. (tidak dinyatakan nama lebuhraya terlibat). Akan tetapi, akses ke Air Terjun Teladas memerlukan pelancong masuk melalui pusat bandar Maran terlebih dahulu, menyebabkan laluan lebih jauh. Mengambilkira limitasi kebolehcapaian masuk ke kawasan air terjun, rata-rata pengunjung yang datang hanya di kalangan warga tempatan sahaja.	Membina susur masuk terus dari lebuhraya ke Air Terjun Teladas untuk memudahkan akses pelancong.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • Jabatan Perhutanan Negeri • Operator pelancongan • Badan bukan kerajaan / komuniti setempat
Kapasiti pengunjung di Che Minah Sayang dan Lubuk Yu terhad kepada maksima 100 orang pengunjung dalam satu masa.	Menetapkan had maksimum pengunjung di kawasan tarikan alam bagi menjaga kelestarian ekosistem.	
Lubuk Yu hanya mempunyai 2 buah Inap Desa, manakala Che Minah Sayang pula hanya mempunyai 8 buah Inap Desa.	Menambah kemudahan asas seperti Inap Desa, chalet, tandas awam, dan pusat informasi pelancongan.	
Jeram Pelangi memerlukan malim gunung berlesen daripada Pejabat Hutan, tetapi bilangan malim gunung masih terhad.	Melatih lebih ramai malim gunung bertauliah melalui kerjasama	

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	dengan Jabatan Perhutanan.	
CADANGAN 2: MEMPERKASA AGROPELANCONGAN DI KAWASAN SAWAH PADI (Chenor Seberang, Sri Jaya, Kertau), ternakan, dan perikanan sungai.		
Kekangan bajet untuk menaik taraf sistem pengairan sawah padi.	Meningkatkan peruntukan untuk sistem pengairan sawah dan membangunkan program 'Pesta Padi' sebagai tarikan pelancong.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • Jabatan Pertanian • Jabatan Perikanan • Jabatan Perkhidmatan veterinar • Tourism Pahang • Badan bukan kerajaan/ komuniti setempat termasuk pesawah dan penternak
Gangguan ternakan (kerbau/lembu) yang memusnahkan tanaman padi.	Menguatkuasakan undang-undang veterinar bagi mengawal ternakan yang berkeliaran.	
Infrastruktur keselamatan di sangkar ikan masih rendah.	Menambah baik kemudahan sangkar ikan dengan sistem keselamatan moden dan pakej lawatan memancing.	
	Mengintegrasikan pakej pelancongan pesisir Sungai Pahang seperti *river cruise* dan pengalaman agropelancongan.	
CADANGAN 3: MENGGALAKKAN PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA DENGAN MENGETENGAHKAN PRODUK TEMPATAN CHENOR, SEJARAH RAJA-RAJA TERDAHULU, RUMAH WARISAN, RUMAH RAKIT, DAN SENI BUDAYA ORANG ASLI		
Tiada dokumen rasmi yang menghimpunkan sejarah raja-raja Chenor secara sistematik untuk dijadikan bahan rujukan.	Menghasilkan dokumen atau buku rasmi sejarah Chenor dengan kerjasama ahli akademik dan tokoh tempatan.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
Kekangan bajet untuk membangunkan produk warisan.	Mengadakan kluster aktiviti pelancongan seperti pendakian, pembuatan kuih dan produk Orang Asli di bawah pengurusan Badan Bukan Kerajaan atau komuniti tempatan.	• Jabatan Warisan Negara • Operator Pelancongan • Badan bukan kerajaan / komuniti Chenor
Sokongan pengurusan aktiviti budaya oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) terhad kerana kekurangan dana.	Menyediakan bajet khas untuk pembangunan produk budaya dan warisan.	
CADANGAN 4: PEMBANGUNAN KAPASITI BELIA SEBAGAI PENGGERAK PELANCONGAN		
Pelajar Kolej Vokasional (KV) Chenor mempunyai kemahiran pertanian seperti tembikai susu, buah tin dll tetapi kurang saluran untuk dimanfaatkan selepas tamat belajar.	Memanfaatkan tanah di bawah Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk disewa atau diusahakan oleh belia lepasan KV Chenor	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • TKPM • KV Chenor • Sektor swasta (pengusaha pelancongan, Inap Desa, resort)
Belia kurang didedahkan dengan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan setempat.	Melatih belia sebagai pengendali Inap Desa, pemandu pelancong, dan pengusaha produk pelancongan.	

Kesimpulan

Industri pelancongan Maran mempunyai potensi besar kerana kaya dengan sumber alam semula jadi, warisan budaya, serta agropelancongan yang unik. Dengan kedudukan strategik berhampiran lebuhraya dan laluan ECRL, Maran boleh muncul sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di Pahang.

Namun, cabaran seperti akses yang terhad, kapasiti infrastruktur rendah, keperluan Pemandu Pelancong bertauliah, dan masalah pengurusan sumber perlu ditangani melalui pendekatan bersepadu. Melalui peranan aktif seperti PDT, MDM, agensi teknikal, NGO, dan sektor swasta, pembangunan pelancongan Maran dapat dilaksanakan secara mampan, mewujudkan peluang ekonomi baharu, meningkatkan keterlibatan komuniti, dan seterusnya menjadikan Maran sebagai destinasi pilihan pelancong domestik dan antarabangsa.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Maran mempunyai kepelbagaian potensi yang boleh dikembangkan, khususnya melalui produk berasaskan sumber tempatan. Antaranya ialah produk makanan tradisional seperti kuih tiga beradik, produk berasaskan ikan sungai contohnya ikan pekasam, makanan sejuk beku, kraftangan Orang Asli, serta produk berasaskan durian seperti tempoyak dan durian crepe. Maran juga terkenal dengan jolokan “Bandar Ayam Kampung”, yang kini sedang digiatkan kembali oleh golongan belia.

Menurut agensi yang hadir, “Bandar Ayam Kampung” adalah satu identiti yang diperkenalkan sejak 2008 untuk menjadikan Maran sebagai pusat penternakan dan sajian ayam kampung. Gelaran ini bertujuan mengukuhkan jenama daerah serta merangsang ekonomi setempat melalui penternakan dan makanan tradisional, walaupun pelaksanaannya masih berdepan cabaran dari segi pengeluaran dan promosi.

Selain itu, terdapat komuniti batik ikat celup dan batik cop di bawah Lembaga Kraf yang mampu menyumbang kepada sektor ekonomi kreatif.

Walaupun terdapat potensi besar, industri ini masih berdepan dengan cabaran dari segi pemasaran dan pengeluaran berskala kecil. Oleh itu, cadangan penyelesaian perlu diberi penekanan agar industri ini mampu berkembang secara lebih sistematik dan berdaya saing.

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
CADANGAN 1: MENGEMBANGKAN PRODUK BERASASKAN IKAN SUNGAI IAITU IKAN PEKASAM, MAKANAN SEJUK BEKU, KUIH TIGA BERADIK, KRAFTANGAN ORANG ASLI, AYAM KAMPUNG, BATIK IKAT CELUP/CAP, SERTA PRODUK BERASASKAN DURIAN		
Pemasaran produk masih berskala kecil dan terhad kepada pasaran tempatan sahaja.	Memperluaskan pemasaran melalui media sosial, e-dagang (*Shopee, TikTok Live, Facebook Marketplace*), serta melibatkan influencer tempatan untuk meningkatkan capaian produk.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • 13 *One Stop Center (OSC)* • Badan bukan kerajaan • Operator pelancongan • Sektor swasta
CADANGAN 2: MENGHIDUPKAN SEMULA JENAMA "BANDAR AYAM KAMPUNG" SEBAGAI TARIKAN UNIK MARAN		
Kekangan dari segi branding dan promosi yang konsisten.	Menyediakan latihan pemasaran digital kepada pengusaha belia serta kempen promosi di bawah Tourism Pahang atau kerjasama bersama pengusaha restoran dan pasar raya.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • Tourism Pahang • Jabatan Pertanian • Pengusaha swasta
CADANGAN 3: MENINGKATKAN PENGELUARAN DAN NILAI TAMBAH PRODUK DURIAN (TEMPOYAK, DURIAN CREPE)		
Kos pengeluaran dan persaingan pasaran dengan daerah lain.	Menyediakan sokongan teknikal dan kewangan melalui program pembangunan usahawan serta memperkukuh saluran pemasaran di luar daerah.	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • Jabatan Pertanian • Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) • Sektor swasta
CADANGAN 4: MENGANGKAT PRODUK KRAFTANGAN ORANG ASLI DAN BATIK IKAT CELUP SEBAGAI PRODUK KOMUNITI.		
Keterbatasan modal dan pengurusan pengeluaran secara konsisten.	JAKOA dan Lembaga Kraf memberi sokongan latihan, promosi serta peluang penyertaan dalam pameran	• Pejabat Daerah dan Tanah Maran • Majlis Daerah Maran • JAKOA

CABARAN YANG MUNGKIN AKAN DIHADAPI	CADANGAN PENYELESAIAN CABARAN YANG AKAN DIHADAPI	AGENSI BERKAITAN
	peringkat negeri dan kebangsaan.	• Badan bukan kerajaan • Sektor swasta

Kesimpulan

Industri Kecil dan Sederhana di Maran mempunyai potensi besar untuk dikembangkan melalui gabungan produk tradisional, makanan tempatan, serta industri kreatif. Dengan adanya strategi pemasaran digital, sokongan agensi kerajaan, dan penglibatan belia, sektor IKS berupaya melonjak sebagai salah satu pemacu ekonomi daerah. Pengukuhan kerjasama antara agensi, NGO, dan sektor swasta adalah kunci untuk memastikan produk IKS Maran bukan sahaja bertahan, malah mampu menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

BAHAGIAN 4 Penutup

Penutup

Secara keseluruhannya, Daerah Maran mempunyai potensi besar untuk dimajukan melalui tiga sektor utama iaitu industri kelapa sawit, industri pelancongan, serta industri kecil dan sederhana (IKS). Potensi ini bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi setempat, malah turut menyumbang kepada pembangunan sosial dan kesejahteraan masyarakat.

Pembangunan industri kelapa sawit melalui pewujudan *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)* mampu mengoptimumkan penggunaan tanah serta menarik minat pelabur dengan sokongan infrastruktur yang terancang. Sementara itu, sektor pelancongan berasaskan alam semula jadi, warisan budaya, dan agro dapat dijadikan pemangkin kepada diversifikasi ekonomi, selaras dengan keunikan sumber semula jadi dan sejarah Maran. Dalam masa yang sama, pengukuhan IKS berasaskan produk tempatan seperti makanan tradisional, kraftangan, dan hasil pertanian mampu memberikan nilai tambah kepada ekonomi masyarakat serta mengangkat imej Maran sebagai daerah yang berdaya saing.

Namun, kejayaan pelaksanaan ketiga-tiga sektor ini memerlukan perancangan bersepadu, kerjasama strategik antara agensi kerajaan, NGO, komuniti setempat, serta sektor swasta, di samping pemerkasaan belia sebagai penggerak utama pembangunan. Dengan pendekatan holistik dan sokongan dasar yang berterusan, Maran berpotensi untuk muncul sebagai sebuah daerah yang maju, seimbang dan mampan pada masa hadapan.

Bengkel Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan anjuran Unit Pembangunan Kapasiti, Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG merupakan satu inisiatif untuk memperkukuh penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui penglibatan pemegang taruh di peringkat kawasan parlimen. Bengkel ini berasaskan pendekatan setempat yang menekankan pemahaman terhadap realiti, keperluan, cabaran dan potensi komuniti sebagai asas kepada pembangunan penyelesaian yang lebih responsif dan mampan.

Sepanjang tahun 2025, bengkel ini telah melibatkan 32 kawasan Parlimen, dengan 4 kawasan digabungkan berdasarkan pertimbangan pentadbiran di bawah pihak berkuasa tempatan yang sama. Hasilnya, sebanyak 28 siri bengkel telah dilaksanakan, menghimpunkan Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, komuniti dan pelbagai pemegang taruh dalam usaha mengenal pasti isu, memahami cabaran serta meneroka penyelesaian yang bersesuaian dengan konteks setempat. Bengkel ini telah menyediakan ruang dialog dan pembelajaran bersama bagi mengenalpasti isu pembangunan setempat, memahami cabaran semasa, meneliti intervensi sedia ada serta meneroka cadangan penyelesaian dan peluang kerjasama.

Kompilasi Laporan Bengkel Pembangunan Kapasiti Kawasan Parlimen 2025 ini menghimpunkan dapatan utama daripada proses tersebut dan disusun mengikut zon bagi mengenalpasti isu, cabaran dan tema yang merentasi kawasan parlimen, di samping mengekalkan keunikan konteks setiap lokaliti. Dapatan yang dikemukakan mencerminkan pengalaman dan perspektif pemegang taruh di lapangan serta memberikan gambaran tentang keutamaan pembangunan yang dikenal pasti di peringkat setempat.

Selain menjadi terbitan rujukan pelaksanaan program, *Kompilasi* ini berfungsi sebagai sumber pengetahuan dan bukti setempat yang dapat menyokong perbincangan berkaitan perancangan, penyelarasan antara agensi, pembangunan intervensi dan tindakan susulan. Ia turut mengetengahkan kepentingan pendekatan merentas sektor dalam menangani isu pembangunan yang saling berkait serta keperluan untuk memperkukuh hubungan antara pemegang taruh, dan membuka ruang kepada tindakan yang lebih berasaskan bukti.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-46-4